

B A B

S A T U

KONSEP PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN TANPA RIBA

1. Takrif Pinjaman al-Qard (القرض):

1.1. Pinjaman al-Qard Menurut Istilah Bahasa:

Pinjaman dalam bahasa Arab disebut al-Qard, (القرض) menurut istilah bahasa maknanya ialah al-Qatl (القطع) ertinya potongan, kerana ia merupakan sebahagian daripada harta yang dipotong dari milik orang yang memberikan pinjaman.¹

Menurut Kamus Dewan, "pinjaman" ialah *barang yang dipinjam atau dipinjamkan*. Dalam bentuk wang, "pinjaman" ialah *wang yang diberikan kepada seseorang dan lain-lain dalam bentuk sementara dan perlu dikembalikan kemudian*. "Pinjaman" juga maknanya ialah *hutang*.²

Kadang-kadang dalam bahasa Arab pinjaman juga disebut sebagai al-salaf (السلف) iaitu pinjaman yang diambil balik tanpa keuntungan bagi pemutang, peminjam hanya wajib memulangkan sebanyak mana wang yang telah dipinjamnya.³

-
1. al-Dasūqī, *Ḥashiah al-Dasūqī*, Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, t t jld 3, hlm 222.
 2. Teuku Iskandar, Dr., *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: DBP, 1993, Cet. 4, hlm. 969.
 3. Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, Beirut: Dār Ṣādir, 1375H/1956M, hlm 295.

Al-Qur'an telah membuktikan lebih dahulu penggunaan istilah al-Qard yang bermakna pinjaman, seperti dalam firman Allah s.w.t.

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا

Maksudnya;

Siapakah orang yang mahu meminjamkan Kepada Allah suatu pinjaman yang baik
(Surah al-Baqarah, ayat 245)

Perkataan pinjaman juga bermakna memberi sesuatu hutang. Dalam bahasa Arab ia juga disebut sebagai al-dayn (الْدَّيْنُ) ertiinya hutang. Terdapat perkataan al-dayn dalam al-Quran yang menjelaskan tentang urusniaga yang pembayarannya secara tertangguh, seperti dalam firman Allah s.w.t.:

إِذَا تَدَآيْنَتْ بَدْنِي إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى فَأَكْبُوهُ

Maksudnya;

Apabila kamu berhutang-hutangan dengan sesuatu hutang hingga kesuatu masa yang ditetapkan hendaklah kamu menulisnya.
(Surah al-Baqarah, ayat 282)

Selain daripada kalimah di atas, kalimah al-ghurm (الْغَرْمُ) juga maknanya hutang, al-Qur'an al-Karim didapati lebih awal menggunakan kalimah al-ghurm, seperti yang terdapat dalam firman Allah s.w.t.;

رَبَّنَا اصْرُفْ عَنَّا عَذَابَ جَهَنَّمَ
إِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا

MaksudNya;

Hai Tuhan kami, palingkanlah kami daripada azab neraka jahannam, kerana sesungguhnya azabnya itu adalah (kekal sebagai) hutang yang mesti dibayar.
(Surah al-Furqan, ayat:65)

1.2. Pinjaman Menurut Istilah Shara^c.

Pinjaman menurut istilah Shara^c iaitu:

Barang yang kamu berikan kepada seseorang daripada harta yang sama nilai supaya mudah membayarnya. Atau dalam ertlkata lain, ialah suatu aqad tertentu yang menghendakki supaya ia berikan harta yang seumpamanya itu kepada orang lain agar orang itu dapat memulangkan harta yang seumpamanya.⁴

Berdasarkan dari istilah yang tersebut di atas, maka "pinjaman" ialah aqad yang diucapkan oleh peminjam keatas barang yang dipinjam dan berjanji akan mengembalikannya kepada pemutang dalam tempoh yang telah ditetapkan tanpa sesuatu syarat yang melebihi dari jumlah pinjaman asal.

⁴. al-Dasuqi, op.cit.,jld. 3, hlm 222.

2. Takrif Pembiayaan *al-Qirād* (القراءد)

2.1 Pembiayaan Menurut Istilah Bahasa:

Mengikut istilah bahasa, "pembiayaan" berasal dari perkataan "biaya" ertinya belanja, ongkos atau bantuan kewangan. "Membayai" ertinya membelanjai, mengongkosi, memerlukan modal untuk membiayai sebuah perusahaan. "pembiayaan" ertinya perihal membiayakan (membayai).⁵

Dalam English Dictionary disebut sebagai "finance" atau "financing", the management of public money, provide money for a scheme, iaitu menguruskan wang orang lain, menyediakan wang untuk sesuatu rancangan, wang yang telah dibiayai oleh sesebuah bank atau sesebuah organisasi yang sama, untuk membantu menjalankan sesuatu perniagaan atau membeli sesuatu barang.⁶

Dalam bahasa Arab "pembiayaan" disebut sebagai *al-qirād* atau *al-mudārabah*. *al-Qirād* ialah bahasa yang diucapkan oleh orang-orang Hijaz (Mekah) yang maknanya ialah potongan harta yang diberi kepada seseorang untuk diurusniagakan. *al-Mudārabah* pula ialah bahasa yang diucapkan oleh orang-orang Iraq, maknanya ialah keluar musafir untuk menguruskan perniagaan dimuka bumi.⁷

5. Teuku Iskandar, op cit., 4, hlm.141; Ahli Jawatankuasa Istilah Perbankan *Istilah Perbankan*, KL: DBP, 1992, hlm.71; Ahli Jawatankuasa Peristilahan Ekonomi Antara Universiti, *Istilah Ekonomi*, KL: DBP, 1991, edisi 4, hlm.478.

6. Hornby A.S., *The Progressive English Dictionary*, London Oxford University Press, 1970, p. 97; Longman, *Active Study Dictionary of English* England, Longman Group UK Limited, 1983, p. 226.

7. al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muhtāj*, Miṣr: Dār al-Wafā', 1972M, jld. 3, hlm.309; Ibn al-Humām, *Sharḥ Fath al-Qadīr*, Beirut: Dār Ṣādir, 1316H, jld. 7, hlm.57; al-Ghamrāwī, *al-Sirāj al-Wahhāj*, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1352H/1933M, hlm.279; al-Shurāzī, *al-Muhaḍhdhab Fi Fiqh*

2.2. Pembiayaan Menurut Istilah Shara^e.

"Pembiayaan" menurut istilah Shara^e ialah suatu aqad perjanjian urusniaga antara pemodal dengan peniaga, di mana pemodal bersetuju mengeluarkan sejumlah wangnya kepada pengusaha untuk membiayai sesuatu perusahaan atau sesuatu perniagaan dan sama-sama berkongsi ke atas hasil keuntungan yang akan diperolehi.⁸

3. Perbezaan Antara Pinjaman dan Pembiayaan:

3.1. Pinjaman (al-Qard)

"Pinjaman" mempunyai konsep yang berbeza dengan "pembiayaan". "Pinjaman" membawa makna yang sangat terbatas, urusniaganya lebih kepada bentuk-bentuk kebajikan yang tidak menuntut apa-apa keuntungan daripada peminjam atau si berhutang. Istilah "pinjaman" hanya sesuai digunakan ke atas semua bentuk urusniaga kebajikan tanpa mengambil sebarang keuntungan atau faedah dari peminjam.

al-Imām al-Shāfi‘ī, Misr: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, t.t., jld.1, hlm.504, Barakāt, *Faiyūd al-Ḥāfi al-Mālik Fi Ḥallī Alfaż ‘Umdah al-Salik Wa ‘Uddah al-Nasik*, Misr: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1373H/1953M, jld.2 hlm.66; al-Ardābili, *al-Anwār al-‘Acmāl al-Abhrār*, Misr: Muassasah al-Halabi, t.t., jld.1, hlm.566; al-Sharqawi, *Faṣl al-Qadir al-Khabir*, Misr: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1351H, hlm. 214; al-Kasāni, *Bada’ī’ al-Sanā’ī’*, Misr: Matba‘ah al-Imām, 1971M, jld.8, hlm. 3588; al-Zuhaili, Dr., *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, Syria: Dār al-Fikr, 1405H/1985M, jld. 4, hlm. 836; al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh ‘Alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*, Beirut: Dār Ḥbyā al-Turāth al-‘Arabi, t.t., jld. 3, hlm.34.

⁸. al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, Misr: Kitāb al-Shū‘b, t.t. jld.7, hlm.98; al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.309; Ibn al-Humām, op.cit., jld.7, hlm.57; Mālik, *al-Mudawwanah al-Kubrā*, Lebanon: Dār Sādir-Beirūt, t.t., jld.5, hlm.86; al-Sharqāwī, op.cit., hlm. 214; al-Ardābili, op.cit., jld.1, hlm.566; Barakāt, op.cit., jld.2, hlm.66; al-Shurāzī, op.cit., jld.1, hlm.504; al-Ghamrāwī, op.cit., hlm.279; al-Jazīrī, op.cit., jld.3, hlm.34; al-Bujairīmī, *Bujairīmī ‘Alā al-Khaṭīb*, jld.3 hlm.158; Ulaish, *Faṣl al-‘Alliyu al-Mālik*, Misr: Dār al-Fikr, t.t.jld.2, hlm.217; al-Kasāni, op.cit., jld.8, hlm.3588; Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, Misr: al-Matba‘ah al-Namūdhiyyah, t.t., jld.13, hlm.31; al-Zuhaili, Dr., op.cit., jld.4, hlm.836

Istilah "pinjaman" pada hakikatnya tidak tepat untuk dipakai dalam urusniaga "trading" atau "commercial" seperti istilah yang sering diguna kepada pinjaman membeli kereta, pinjaman perumahan atau pinjaman membuka perniagaan yang berlandaskan Shara⁶.

Antara ciri-ciri yang jelas terdapat dalam skim pinjaman (*al-qard*) ialah :

- a. Aktiviti "pinjaman" lebih mengutamakan bantuan kebajikan, daripada mencari keuntungan,
- b. Pinjaman tidak melibatkan jumlah wang yang besar,
- c. Bayaran pinjaman yang tertangguh tidak akan dikenakan faedah,
- d. Pinjaman tidak mempunyai tempoh yang terlalu lama,
- e. Pinjaman yang tidak mampu dibayar, digalakkan supaya dimaafkan sahaja setelah peminjam diminta membayarnya sekadar yang termampu olehnya.

3.2. Pembiayaan (*al-Qirad*).

Berlainan samasekali dengan skim pembiayaan, oleh kerana pembiayaan merupakan urusniaga commersial yang berbentuk perniagaan, maka segala produk yang diurusniagakan akan mengutamakan keuntungan yang wajar diperolehi hasil transaksi pembiayaan tersebut.

Antara ciri-ciri yang terdapat pada pembiayaan ialah:

- a. Pembiayaan adalah bidang *al-tijārī* (التجاري) atau commersial,
- b. Pembiayaan lebih mengutamakan keuntungan di samping kebajikan,
- c. Keuntungan yang diagih merupakan keadilan kepada si pemberi hutang

atau pemodal dan bagi si peminjam atau pengusaha,

- d. Pembiayaan mempunyai cara yang banyak untuk membantu peminjam atau pengusaha dengan berbagai-bagai jenis pembiayaan.

Pinjaman perlu dibincangkan di sini kerana istilah pinjaman telah digunakan dalam urusniaga kewangan Islam masa kini semenjak sistem ini mula diperkenalkan di negara ini, seperti pinjaman membeli kereta atau rumah, sedangkan urusniaganya beroperasi dalam bentuk "commercial".

Skim pinjaman dilaksanakan tanpa mengambil sebarang keuntungan, tetapi skim tersebut tetap diurus, ditadbir dan diproses secara "commercial" yang memerlukan kos pengurusan, tujuannya membantu kebajikan orang-orang yang sangat memerlukan, terutama dalam saat-saat terdesak. Perkara tersebut akan dibincang secara lebih terperinci lagi dalam jenis-jenis urusniaga pinjaman dan pembiayaan.

4. Takrif Riba (الرِّبَا)

4.1. Menurut Istilah Bahasa:

Riba dari segi bahasa ialah *al-Ziyādah wa al-Numūw* ^{وَالنُّوْمُوْزُ} الْزِيَادَةُ وَالنُّوْمُوْزُ maknanya bertambah dan berkembang.⁹

⁹ al-Jazīrī, op.cit., jld.2, hlm.245; al-Bujairīmī, op.cit., jld.3,hlm.14; al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.21; Ibn Qudāmah, op.cit., jld.4, hlm.3; Ibn al-Humām, op.cit., Beirut: Dār Ṣādir, 1316H, jld.5, hlm.275; al-Qalyūbī, *Qalyūbī Wa 'Umarah*, Singapore: Sulaimān Marīqī, t.t., jld.2 hlm.166; al-Zuhailī, Dr., op.cit., jld.4, hlm.668; al-Ghaṣrāwī, op.cit., hlm.176; Barakāt, op.cit., jld.2, hlm.9 & 10; al-Sharqawī, op.cit., hlm.190.

4.2 Riba Menurut Istilah Shara^c:

Para Fuqaha telah mentakrifkan "riba" menurut istilah Shara^c ialah;

Aqad ke atas barang gantian yang telah ditentukan (bayarannya), tetapi tidak diketahui persamaan nilainya (dengan jenis barang yang asal) mengikut Shara^c pada ketika "aqad, atau kerana menangguhkan kedua-dua pertukaran atau salah satu dari dua pertukaran.¹⁰

Jadi "**Pinjaman dan Pembiayaan Tanpa Riba**" dalam kajian ini akan menyentuh segala urusniaga pinjaman dan pembiayaan seperti membeli rumah, tanah, kenderaan, pelaburan dan sebagainya. Semua bentuk pinjaman dan pembiayaan untuk perkara-perkara yang tersebut itu, masih banyak dijalankan dengan modal pinjaman dan pembiayaan yang melibatkan riba. Oleh itu kajian ini cuba mengenal pasti sejauh mana penglibatan unsur-unsur riba terus berlaku dalam urusniaga tersebut. Dalam hal ini sistem Mu'amalat Islam akan diperkenalkan sebagai satu-satunya alternatif untuk mengambil alih transaksi yang bertentangan dengan Shari'ah Islam itu.

Dr. Muhammad Abdul Manan mengatakan bahawa penggunaan perkataan "**al**" pada **al-Riba** itu adalah merujuk kepada amalan mengambil pertambahan dari baki hutang si berhutang. Hal tersebut banyak terjadi di kalangan masyarakat Arab di zaman jahiliyah, dan sudah menjadi kelaziman pada amalan di kalangan mereka pada waktu al-Quran diwahyukan.¹¹

Ibn Qudamah **al-Hanbali** menjelaskan bahawa riba itu ialah;

¹⁰. al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.21; al-Bujairī, op.cit., jld.3, hlm.14 & 15; al-Barakāt, op.cit., jld.2, hlm.10; al-Sharqāwī, op.cit., hlm. 190; al-Ghamrāwī, op.cit., hlm. 176

¹¹. Mannan, M.A., **Ekonomi Islam: Teori dan Praktis**, K.Lumpur, A.S.Noordeen, 1992, Terjemahan: Radiah (U.M.), jld.1, bhg. I & II, hlm. 207.

*Pertambahan pada sesuatu perkara yang telah ditentukan.*¹²

Ibn al-Humām al-Hanafī pula menjelaskan bahawa riba itu ialah;

*Pertambahan yang tidak ada gantian yang disyaratkan dalam jualbeli.*¹³

Ibn Jarīr pula menjelaskan dalam kitab tafsirnya;

*Sesungguhnya riba di kalangan orang-orang jahiliah itu ialah apabila seorang menjual sesuatu barang dengan bayaran bertangguh pada suatu masa yang ditentukan, tetapi apabila sampai tempoh, pembeli didapati tidak mampu melunaskan hutangnya, maka penjual pun menambahkan lagi faedah, dan pembeli pula menanggukhan bayaran tertangguh dari barang jualannya itu.*¹⁴

5. Larangan Riba:

Allah s.w.t. dan RasulNya milarang riba. Riba diharamkan berdasarkan nas-nas yang *qarī* daripada al-Qurān dan al-Hadīth. Amalan riba yang buruk itu bukan hanya sekadar menjelaskan pegangan agama seseorang, bahkan boleh merosakkan akhlak, merenggangkan hubungan masyarakat dan menghancurkan keadilan ekonomi dan merobohkan kerukunan hidup manusia.

5.1. Larangan Allah Terhadap Riba:

Bidang perniagaan sering menghasilkan keuntungan yang lumayan, kerana itu menjadi impian sesiapa sahaja yang bermiaga, namun demi keadilan dan keharmonian hidup manusia, maka keuntungan yang hendak dicapai tidaklah

^{12.} Ibn Qudāmah, op.cit., jld.4, hlm.3

^{13.} Ibn al-Humām, op.cit., jld.5, hlm.274.

^{14.} Ibn Jarīr, Tafsīr Ibn Jarīr, Misr: Dār al-Ma‘arif, 1967, jld.6, hlm.8

seharusnya memusnahkan kedamaian dan kepercayaan yang terjalin dalam hidup bermasyarakat.

Sesungguhnya Allah menghalalkan jual beli, bahkan sembilan persepuluhan rezeki, Allah berikan kepada orang-orang yang bermiaga, sebagai galakan supaya umat Islam suka bermiaga. RasūluLLah ᷃.ṣ.w. sendiri menunjukkan kecermerlangan Baginda dalam bermiaga, bahkan Baginda dapat membuktikan semua urusniaga yang dilakukan oleh Baginda, sedikitpun tidak melibatkan amalan riba, sekalipun urusniaga dilakukan dengan masyarakat Jahiliah. Kerana Allah s.w.t. melarang Baginda mengambil riba, firmanNya:

(1) Surah al-Baqarah, ayat 275;

وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا

MaksudNya;

Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

(2) Surah al-Baqarah, ayat 278;

إِنَّمَا يَنْهَا اللَّهُ وَذرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا

MaksudNya;

Bertaqwalah kamu semua kepada Allah dan tinggalkanlah saki baki riba yang belum kamu ambil, jika sekiranya kamu benar-benar orang yang beriman.

(3) Surah Ali Imran, ayat 130;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُضَاعَفَةً
وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعْلَكُمْ تُفْلِحُونَ .

Maksudnya;

Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda dan bertaqwalah kamu kepada Allah supaya kamu mendapat keuntungan.

(4) Surah al-Nisa', ayat 161;

وَأَخْذِهِمُ الرِّبَا وَقَدْ هُوَا عَنْهُ
وَأَكْلُمُ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ .

Maksudnya;

Dan mereka telah mengambil riba, sesungguhnya mereka telah pun dilarang dari mengambilnya dan mereka juga telah memakan harta-harta manusia dengan cara yang batil.

5.2. Ancaman Allah Terhadap Orang Yang Mengambil Riba:

(1) Allah s.w.t. akan memusnahkan harta yang diperolehi hasil dari urusniaga riba dan akan menghilangkan keberkatannya. Harta riba sedikit pun tidak membawa kesan kebaikan untuk diri dan keluarga, hartanya akan habis dengan kerja yang sia-sia. Firman Allah s.w.t.;

يَعْلَمُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُرِي الصَّدَقَاتِ
وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كُفَّارٍ أَثِيمٍ .

MaksudNya:

Allah akan memusnahkan riba, tetapi sebaliknya Allah akan menyuburkan harta yang dikeluarkan zakatnya dan Allah tidak menyukai setiap orang yang masih dalam kekufuran dan selalu berbuat dosa.

(Surah al-Baqarah, ayat 276).

(2) Orang yang makan harta riba akan dibangkitkan pada hari Qiamat nanti, dalam keadaan seperti orang gila yang telah dirasuk oleh syaitan. Firman Allah s.w.t.;

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي
يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ، ذَلِكَ مَا نَهَا
قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحْرَمَ الرِّبَا .

MaksudNya;

Orang-orang yang makan riba tidak akan berdiri (dihari Qiamat nanti) melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan, terhuyung-hayang lantaran gila, yang demikian kerana sesungguhnya mereka itu berkata; "jual beli itu sama seperti riba", sedangkan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

(Surah al-Baqarah, ayat 275)

(3) Allah akan memerangi orang-orang yang tidak mahu berhenti dari mengambil riba. FirmanNya;

فَإِنْ لَمْ تَفْعِلُوا فَأَذْنُوا بِحَرْبٍ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ
وَإِنْ تُبْشِّمْ فَلَكُمْ رِزْقُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ .

Maksudnya;

Maka jika kamu tidak bertindak (meninggalkan perbuatan saki baki riba yang masih ada padamu itu), maka ketahuilah bahawa Allah dan RasulNya akan memerangimu dan jika kamu bertarbat (tidak mengambil riba lagi), maka ambillah bagimu pokok hartamu, janganlah kamu menzalimi dan janganlah kamu dizalimi pula.

(Surah al-Baqarah, ayat 279)

(4) Allah akan mengazab orang-orang yang memakan riba di hari akhirat dengan azab neraka yang sangat pedih, nasib mereka sama seperti orang-orang Yahudi yang enggan mematuhi larangan Allah tentang riba itu. Disebabkan mereka memakan riba yang dilarang Allah, kerana mengambil harta orang lain dengan cara batil, maka Allah azab perbuatan mereka itu dengan firmanNya;

وَأَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِ مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا

Maksudnya:

Dan Kami (Allah) telah menyediakan untuk orang-orang kafir itu, di antara mereka azab yang pedih.

(Surah *al-Nisā'*, ayat 161)

5.3. Tegahan RasūluLlāh s.a.w. Terhadap Perbuatan Riba:

(1) RasūluLlāh s.a.w. melarang perbuatan memakan riba, kerana dianggap salah satu dari tujuh dosa-dosa besar sama seperti dosa syirik, sihir, membunuh dan sebagainya seperti dalam sabda baginda yang bermaksud:

Daripada Abi Hurairah r.a. bahawa RasūluLlāh s.a.w. telah bersabda; Jauhilah tujuh dosa-dosa besar yang merusakkan. kami berkata, perkara apakah itu wahai RasūluLlāh?, Jawab RasūluLlāh, taliu syirik dengan Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah, memakan riba, memakan harta anak yatim, lari dari medan peperangan dan menuduh perempuan yang beriman yang bersih telah melakukan zina¹⁵.

(2) RasūluLlāh melarang semua bentuk perbuatan yang melibatkan riba, baik yang mengambil riba atau yang memberinya, seperti dalam maksud Ḥadīth;

Daripada Abi Sa'īd al-Khudrī yang berkata, RasūluLlāh telah bersabda, emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, kurma dengan kurma, garam dengan garam, barang dengan barang yang seumpamanya, tangan dengan tangan secara tunai, sesiapa yang menambah atau minta tambah maka sesungguhnya dia telah melakukan riba, orang yang mengambil riba dan yang memberinya sama sahaja.¹⁶

¹⁵ Ammārah, *Jawāhir al-Bukhārī wa Sharḥ al-Qistillāqī*, Qāhrah: Maṭba'ah al-Iṣtiqāmah, 1371H, hlm.311; al-Mubārakfūrī, *Tuhfah al-Ahwadhi*, Madinah al-Salafiyah, (t.), jld.4 hlm.439; Ibn Hajar, *al-Dirāyah fi Takhrij AHādīth al-Hidāyah*, Misr: Maṭba'ah al-Fujālah, 1964, hlm.156.

¹⁶ Muslim, *Sahīh Muslim*, Beirut: Dār Aḥyā' al-Turāth al-'Arabi, 1412H/1991M, cet.4, jld.3, hlm.1211; Muslim, *al-Jāmi' al-Sahīh*, v.5&6, Beirut: al-Maktab al-Tijārī li al-Tibā'ah, t.t., jld.5 hlm.44; al-Baīhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, Beirut: Dār Sādir, 1352H, jld.5 hlm.278; al-Hākim *al-Mustadrak 'Alā al-Sahīhayn fi AHādīth*, Riyād: Maktabah al-Nasr, 1968, jld.2 hlm.49; Ibn Hajar, *al-Maṭālib al-Āllah bi Zawā'id al-Masānid al-Thamāniyyah*, Misr: Wazīr al-Auqāf wa Shū'un al-Islāmiyyah, t.t., jld.1 hlm.386; Ibn Hajar, *al-Dirāyah fi Takhrij AHādīth al-Hidāyah*, Misr: Maṭba'ah al-Fujālah al-Jadidah, al-Qālīrah, 1383H/1964M, jld.1 hlm.156; al-Mubārakfūrī, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharḥ Jāmi' al-Tarmidī*, al-Madinah al-Munawwarah, al-Maktabah al-Salafiyah, t.t., jld.4 hlm.439.

(3) RasūluLlāh s.a.w. melarang berjual beli barang yang sama jenis, dengan cara melebihkan kuantiti barang dari barang yang lain. Sabdanya bermaksud;

Daripada Abī Sa'īd al-khudrī telah berkata, Rasūlullāh s.a.w. telah bersabda, janganlah kamu menjual emas dengan emas melainkan kuantiti yang sama dan jangan kamu lebihkan. Jangan kamu tambah setengahnya dengan setengah yang lain. Jangan kamu jual duit dengan duit yang sama dan jangan kamu lebihkan setengahnya dengan setengah yang lain dan jangan kamu jual barang yang ghaib dengan yang hadir.¹⁷

(4) RasūluLlāh s.a.w. melarang jual beli barang yang sama jenis dengan melebihkan kuantiti atau harga salah satu dari dua jenis barang yang sama, maksud hadith;

Daripada Sa'ad bin Abī Waqāṣ telah berkata, aku mendengar RasūluLlāh s.a.w. bertanya daripada seorang yang membeli tamar dengan rutab, sabdanya; adakah tamar basah itu menjadi kurang apabila ia basah? jawab pembeli itu, ya, maka lalu RasūluLlāh s.a.w. menegahnya dari yang demikian itu.¹⁸

5.4. Amaran dan Kutukan RasūluLlāh s.a.w. Terhadap Orang-orang Yang Memakan Riba:

(1) RasūluLlāh s.a.w. melaknat segala perbuatan urusniaga riba, sebuah hadith RasūluLlāh s.a.w. yang maksudnya;

^{17.} al-Bukhārī, *Sahīḥ al-Bukhārī*, Beirut: Dar al-Qalm, t.t., juz.3, jld.2 hlm.158; Muslim, op.cit., 1971M/1412H, jld.3, hlm.1208, Hadith bil.75; Muslim, op.cit., jld.5, hlm.42; al-Baihaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, jld.5, hlm.276-278; al-Šanqīṭī, *Subul al-Salām*, Miṣr: Maktbah wa Maṭba'ah al-Mashhad al-Husainī, t.t., jld.3, hlm.35; al-Mubārakfūrī, *Tuhfah al-Āhwāzī bi Sharh Jamk' al-Tarmidī*, jld.4, hlm. 396; Ibn Hajar, *Bulugh al-Murām Min Adillah al-Āhkām*, Singapore: Matba'ah Sulaiman Mar'i, t.t. hlm.101

^{18.} al-Baihaqī, op.cit., jld.5, hlm.294; al-Hākim, op.cit., jld.2, hlm. 38

Daripada Jabir r.a. katanya, Rasulullah s.a.w. telah melaknat orang yang memakan riba, orang yang menjadi ejennya, orang yang menjadi tukang tulisnya dan orang yang menjadi saksinya, kata baginda lagi, mereka itu semuanya sama sahaja (akan dilaknat).¹⁹

(2) Orang yang memakan riba disebut oleh Rasulullah s.a.w. sama seperti seorang lelaki yang mengahwini ibu kandungnya sendiri, maksud al-Hadith;

Daripada Abdullâh bin Mas'ûd r.a. daripada Nabi s.a.w. sabdanya; riba itu ada tujuh puluh tiga pintu, pintu yang paling mudah sama seperti seorang lelaki yang mengahwini ibu kandungnya sendiri. Sesungguhnya riba yang paling dahsyat ialah jatuhnya maruah seorang lelaki muslim.²⁰

(3) Rasulullah s.a.w. bertindak tegas dengan mengisyiharkan perang terhadap orang-orang yang memakan riba.

Al-Maudûdî menegaskan dalam bukunya *al-Riba*, bahawa Bani al-Mugîrah di Mekah terkenal sebagai pengamal riba. Rasulullah s.a.w. bertindak menghapuskan semua bentuk amalan riba yang sedang berlaku dikalangan mereka, sesuai dengan perintah Allah kepada Baginda dengan pengharaman riba.²¹

Rasulullah s.a.w. telah bertindak menghantar surat perutusan mengarahkan pegawai pemerintahnya di Mekah, supaya memerangi sesiapa sahaja yang tidak mahu berhenti dari mengambil riba, walaupun di antara pelaku riba di kalangan mereka itu bapa saudara baginda sendiri, iaitu al-‘Abbâs bin ‘Abd al-Muttalib sebagai seorang pembesar Arab yang menjalankan urusniaga riba.

^{19.} Muslim, *Sahîh Muslim*, jil.3, hlm.1211; Muslim, *al-Jâmi‘ al-Sahîh*, jld.5, hlm.50; Bukhari, *Sahîh Bukhâri*, jld.2, hlm.6; al-Baihaqi, op.cit., jld.5, hlm.275&285; Ibn Hajar, *Bulugh al-Murâm*, hlm.101; al-Sanâ'i, op.cit., jld.3, hlm.34; al-Mubârakfûri, op.cit., jld.4, hlm.396; Ismail, Dr., *Talkhis al-Khabir fi Takhrij AlHadith al-Râfi‘i* jld.3, hlm.8; al-Samarqândî, *Tanbih al-Ghâfilin*, Misr: ‘Isâ al-Bâbî al-Halabî, t.t., hlm.132.

^{20.} al-Hâkim, op.cit., jld.2, hlm.37; Ibn Hajar, *Bulugh al-Murâm*, hlm.101; al-Sanâ'i, op.cit., jld.3, hlm.35.

^{21.} al-Maudûdî, *al-Riba*, Misr: Dâr al-Ansâr, 1948, hlm.86; Ibn Hishâm, *Sîrah al-Nabi*, jld.4, hlm.275.

Rasūlullāh s.a.w. telah bertindak membatakan semua bentuk bunga, atau faedah pinjaman, yang telah dikenakan kepada orang ramai yang berhutang dengan bapa saudaranya itu. Maka ketika Rasūlullāh s.a.w. mengerjakan Hajjah al-Wadā', Rasūlullāh s.a.w. telah menyampaikan amanatnya;

*Ingatlah! sesungguhnya riba jahiliyyah itu semuanya adalah perbuatan yang dilarang daripada kamu. Hak bagi kamu hanyalah modal pokok harta yang kamu pinjamkan sahaja, jadi janganlah kamu berlaku zalim dan janganlah kamu dizalimi pula. Riba yang mula-mula aku haramkan ialah riba yang diambil oleh bapa saudaraku al-‘Abbās bin ‘Abd al-Muttalib,*²²

(4) Dosa orang yang mengambil riba terlalu berat di sisi Allah s.w.t.,²³ Hadith riwayat al-Dār Qutnī dan al-Baihaqī, maksudnya;

Satu dirham wang riba yang dimakan oleh anak Adam terlalu berat dosanya di sisi Allah dari tiga puluh enam kali maksiat zina.

5.5. Pandangan Selain Islam Terhadap Riba:

(1) Agama Masehi.

Agama Masehi dengan semua madhab dan gereja-gerejanya telah mengharamkan riba. Mereka menganggap riba sebagai bertentangan dengan agama. Itulah sebabnya para gereja Katolik telah mengumumkan perang terhadap riba dalam masa yang cukup panjang pada abad-abad pertama, abad-abad

^{22.} Muslim, *al-Jāmi' al-Sahīh*, Beirut: al-Maktab al-Tijārī li al-Tibā'ah, jld 5, hlm. 50; Ibn Hisham, op.cit., jld. 4, hlm. 275; al-Subailī, *al-Raud al-Unuf fi Tafsir al-Sirah al-Nabawiyah li Ibn Hishām*, Miṣr: Maktabah al-Kulliyāt, 1973M, jld.4, hlm. 231; al-Samarqandī, op.cit., hlm. 131; al-Ṣābi‘ī, *Rawāḥi’ al-Bayān Tafsīr Ayāt al-Ahkām Min al-Qurān*, Sayria: Maktabah al-Ḥazāli, 1397H/1977M, jld. 1, hlm. 385; al-Maudūdī, op.cit., hlm. 86; Amīn Duaidar, *Suwar Min Hayāt al-Rasūl*, Miṣr: Dār al-Ma‘ārif, 1372H/1953M, hlm. 592.

^{23.} al-Khatīb, op.cit., jld. 2, hlm. 21; al-Samarqandī, op.cit., hlm. 131; Sabiq, op.cit., jld. 2, hlm. 178.

pertengahan dan abad-abad modern. Dalam Injil Luke, ayat 34 dan 35 fasal 6, menyebutkan dengan jelas; "kamu perbuatlah kebaikan, dan kamu hutangkanlah tanpa menunggu pulangannya, kerana ia akan menjadikan pahala kamu yang banyak".²⁴

(2) Agama Yahudi.

Agama Yahudi telah mengharamkan perbuatan mengambil riba secara tegas. Nas-nas dalam kitab Taurat yang ada pada saat ini membezakan hukum antara orang Israil dengan bukan Israil, orang-orang Israil diharamkan mengambil riba sesama mereka, tetapi halal melakukannya dengan orang yang bukan Israil. Dalam kitab Perjanjian Lama ayat 23, fasal 19 dengan jelas menyebutkan; "bagi orang yang bukan Yahudi hutangkanlah dengan riba, tetapi bagi saudara Yahudi kamu jangan hutangkan dengan riba". Fasal ini telah diguna oleh mereka untuk tujuan menghalalkan penindasan mereka kepada manusia selain Yahudi. Tetapi kalau merujuk kepada ajaran asal Yahudi dalam kitab Perjanjian Lama yang belum diselewengkan, ayat 24, fasal 22, menjelaskan; "Apabila terdapat kesakiran pada saudara kamu (Yahudi), maka tanggungilah dia, tetapi jangan kamu minta darinya keuntungan dan faedahnya.". ²⁵

^{24.} Provinciales Pascal, Les (Perutusan ke 8), dipetik dari Muhammad Ḥabdullāh Darāz, Dr., *al-Riba*, Miṣr (tanpa nama pencetakan), 1951M, hal.5; al-Qardawī, Dr., *al-Harām wa al-Halāl fi al-Islām*, Miṣr: Maktabah Wahbah, 1396H/1976M, hlm. 246; Mannān, *Ekonomi Islam Teori dan Praktis*, Judul asal: *Islamic Economic Teori & Practice*, terjemahan: Radiah (Universiti Malaya), KL: A.S. Noordeen, 1989, jld. 1, bhg. 2, hlm. 211; al-Qardawī, Dr., *al-Halāl wa al-Harām fi al-Islām*, hlm. 246

²⁵ The Torah: Exodus, The Soncino Press, Edited By Dr. J.H. Hertz, C.H. 1958; Kitab Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru, Cet. Janriyyah al-Taurah al-Amerikiyyah wa al-Ajnabiyyah 1945, Ayat 23 bil. (19-30) hlm. 219; al-‘Assal, *Sistem Ekonomi*, hlm. 85; al-Qardawī Dr., *al-Halāl*, hlm. 246; al-Muhammad Ḥabdullāh Darāz, Dr., *al-Ribā Fi Nazr al-Qanūn al-Islāmī*, Miṣr: al-Ittiḥad al-Duāli li al-Bunūk all Islāmiyyah, 1951M, hlm. 5; Husin Dr., *al-Riba wa Kharārah al-Dunya*, Miṣr: al-Ittiḥad al-Duwalī li Bunūk al-Islām, 1406H/1986M, hlm. 63; Muhammad Ashūr, *al-Ribā ‘Inda al-Yahūd*, Miṣr: Dār al-Ittiḥad al-‘Arabi al-Tibā‘ah, 1972, hlm. 3.

(3) Penyembah Berhala.

Ahli-ahli penyembah berhala daripada bangsa Arab Jahiliah turut memandang riba dengan pandangan sinis yang penuh kebencian. Riba dianggap sebagai suatu perbuatan yang kotor dan bertentangan dengan akhlak yang lurus. Ketika dinding Ka'bah rusak, kaum Quraish sepakat mengumpulkan harta dari rumah-rumah yang tidak melakukan riba untuk membantai pembinaan semula Ka'bah. Pada ketika Abū Wahāb bin cAmar mengambil sebiji batu Ka'bah, tiba-tiba batu yang dipegangnya itu terlepas dan tercampak jatuh dari tangannya, maka Abu Wahabpun berkata;

Wahai sekalian kaum Quraisy, janganlah anda masukkan ke dalam binaan Ka'bah ini sesuatu pun daripada usaha anda sekalian kecuali yang baik-baik sahaja. Janganlah kamu masukkan hasil perzinaan dan juga hasil urusniaga riba.²⁶

²⁶

Ibn Hishām, op.cit., jld.1, hlm.194; al-Asal, op.cit., hlm.86; Maman, Dr.op.cit., hlm.207

6. Hikmah Diharamkan Riba:

Allah s.w.t. dan RasuluLlah s.a.w. telah mengharamkan riba. Ulama-ulama dan orang-orang yang waras akal fikirannya mengharamkan riba. Agama samawi; Masehi dan Yahudi, pada asalnya juga mengharamkan riba, seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Maka tentulah ada sesuatu hikmah yang sangat penting kanapa riba itu dilarang dan diharamkan, tentulah ada sebab riba itu ditentang dan dibenci oleh agama samawi. Bahaya keburukan riba itu sangat besar, kesannya boleh dilihat dalam aspek-aspek seperti berikut:

6.1. Bahaya Riba Dilihat dari sudut Aqidah dan Agama.

Ada di antara kalangan pengamal dan pendukung sistem riba yang beranggapan bahawa, amalan riba adalah suatu kemestian yang tidak boleh dipisah dari dunia perniagaan sekarang ini, tanpa riba perniagaan akan mati, bank-bank dan institusi-institusi kewangan akan mengalami kerugian besar, semua operasinya akan lumpuh jika tidak mengamalkan riba. Sekiranya kepercayaan tersebut menjadi suatu keyakinan yang lebih baik dari larangan Allah terhadap riba itu, maka anggapan itu boleh menghalalkan apa yang telah diharamkan oleh Allah, seterusnya boleh membawa kepada murtad.

Larangan riba adalah salah satu asas yang paling penting dalam sistem ekonomi Islam. Larangan tersebut merupakan rukun dalam ekonomi Islam. Larangan riba mendasari seluruh urusniaga dan segala bentuk aktiviti ekonomi dalam Islam. Tanpa larangan tersebut maka sistem ekonomi Islam tidak akan dapat ditegakkan. Kerana itu larangan Allah dan RasulNya terhadap riba sangat serius. Apabila seseorang itu hanya mempercayai sistem riba sahaja yang

mengukuhkan kewangan negara, maka bererti sistem ekonomi Islam yang melarang riba tidak layak ditegakkan di Malaysia ini, samalah dengan menolak perlaksanaan hukum Shara^c atas alasan takut berlaku kezaliman dan huru-hara dalam negara. Dalam erti kata yang lain bahawa Islam adalah agama yang lengkap, syumul. Kalau kita tidak mempercayai kesyumulan sistem-sistem Islam ini boleh ditegakkan di bumi Allah ini, maka boleh menyebabkan seseorang itu terkeluar dari agamanya. Maka begitulah sistem ekonomi tanpa riba, sekiranya ditolak dengan keyakinannya akan melumpuhkan kegiatan ekonomi, maka boleh menyebabkan seseorang itu terkeluar dari agamanya. Sebabnya ialah:

Pertama:

Kerana tidak percaya kewibawaan Shari'at Islam dalam perniagaan boleh memberi keuntungan yang lebih kepada pelabur, pemodal, pengusaha, peniaga dan umat Islam seluruhnya. Bahkan mereka merasakan akan rugi jika perniagaan mereka dijalankan mengikut hukum Shara^c. Mereka tidak yakin hikmah Allah menghapuskan riba. Adalah untuk menambahkan lagi keuntungan kepada mereka. Sebaliknya mereka merasa mendapat untung besar melalui jalan riba, tetapi sebenarnya tidak. Kalau mereka berurusniaga mengikut Shara^c, Allah akan memberikan rezeki 90% dalam perniagaan. Tetapi kerana kurangnya keyakinan atau disebabkan jahil tentang rezeki dan larangan Allah, hakikatnya mereka sama seperti orang Arab Jahiliyyah yang membunuh anak mereka, kerana takut miskin dan papa. Mereka kurang percaya rezeki itu pemberian Allah. Sesungguhnya Allah melarang seseorang membunuh anak kerana takut papa. Allah juga melarang memakan riba kerana takut tidak mendapat laba. Firman Allah;

وَلَا تُقْتِلُوا أُولَادَكُمْ خَشْيَةً إِمْلَاقٍ

MaksudNya;

*Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kemiskinan.*²⁷

Kedua:

Menafikan sistem Islam yang syumul, menganggap riba atau faedah dalam sistem ekonomi itu lebih baik daripada sistem Mu'amalat Islam, boleh merosakkan aqidah seseorang. Dr. Muhammad al-Sayyid al-Wakil memberi amaran keras kepada sesiapa sahaja yang menafikan kesyumulan sistem Islam, katanya;

وَاعْتِقَادُ أَنَّ النَّظَمَ الوضِيعَةَ أَوْ شَيْئًا مِنْهَا
أَنْمَّ وَأَكْمَلَ مِنَ النَّظَمِ الْإِسْلَامِيَّةِ كُفُرٌ،
يَخْرُجُ صَاحِبُهُ مِنَ الْمِلَّةِ .

Maksudnya:

*Dan berteklqad bahawa sistem-sistem ciptaan manusia itu atau sesuatu yang datang daripada manusia itu lebih sempurna dan lebih lengkap dari sistem Islam itu sendiri, kafirlah ia dan terkeluarlah ia dari agama Islam.*²⁸

²⁷ Surah *al-Isrā'*, ayat 31

²⁸ al-Wakil, *al-Qiādah wa al-Jundiyah fi al-Islām*, Misr Dar al-Anṣār 1980, hlm.139.

Dr. Yusuf al-Qardawī dengan tegas menjelaskan;

فَمَنْ اسْتَحْلَلَ الرِّبَا كَفَرَ بِلَا خَلَافٍ،
وَيُسْتَأْبَ فَإِنْ تَابَ فِيهَا وَالا قُتْلَ.
وَمَنْ بَاعَ بَيْعَ رِبَا غَيْرَ مُسْتَحْلِلِ الرِّبَا
فَهُوَ فَاسِقٌ يُؤْدَبُ خَاصَّةً إِلاَّ أَنْ يُعَذَّرَ
بِجَهْلٍ، وَيُفْسِدُ عَقْدَ الْبَيْعِ.
فَإِنْ فَاتَ فَلَيْسَ لَهُ رَأْسٌ مَالِهِ.

Maksudnya;

Maka sesiapa yang menghalalkan riba kafirlah ia tanpa khilaf (ijma' ulama), dan ia hendaklah bertaubat, jika sekiranya ia hendak bertaubat.. jika ia tidak mahu bertaubat, ia hendaklah dihukum bunuh. Dan sesiapa berjual beli dengan jual beli riba tanpa menafikan (haram) riba itu, maka hukumnya fasiq dan hendaklah diberi nasihat khas, melainkan ia uzur dengan sebab jahil, dan terbatallah aqad jual beli ribanya itu. Jika sekiranya barang jualan ribanya rosak, maka tidak ada hak baginya menuntut modal barangnya yang rosak itu.²⁹

^{29.} al-Malīawi, *Fiqh al-Mu'amalāt 'alā Madhhab al-Imām Mūlik*, Misr al-Majlis al-Aqālī li al-Shū'ūn al-Islāmiyyah, 1393H/1973M, hlm 94

Bahaya amalan riba kepada aqidah hanya akan berlaku sekiranya pengamal riba dan pendukungnya, atau sesiapa sahaja dari kalangan umat Islam yang berkeyakinan bahawa; "tanpa riba hidup manusia tetap dalam keadaan miskin dan sebagainya". Perbuatan tersebut bermakna menghalalkan riba yang diharamkan Allah, sedangkan Allah hanya menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

Jika sekiranya seseorang itu mengambil riba dengan keyakinan bahawa riba itu masih haram, tetapi mereka tidak ada jalan lain kecuali mengambilnya juga, maka tidaklah sampai terbatal aqidah mereka, tetapi mereka mestilah berusaha membebaskan diri mereka dari cengkaman dan perbuatan riba itu, kerana kekal dalam amalan riba, bererti mengekalkan diri mereka berperang dengan Allah dan RasulNya. Mereka tidak seharusnya memandang tinggi sistem riba, sebaliknya mereka memandang rendah dan remeh sistem tanpa faedah. Adalah terlalu jelek sekiranya umat Islam berkeyakinan hanya dengan cara riba, bunga dan faedah sahajalah satu-satunya jalan perniagaan yang baru boleh membawa untung. Allah berfirman,

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ ثُمَّ رَزَقَكُمْ ثُمَّ يُبَيِّنُكُمْ
ثُمَّ يُحِينُكُمْ، هَلْ مِنْ شَرِّ كَانَكُمْ مِنْ يَفْعُلُونَ
مِنْ ذَلِكُمْ مِنْ شَيْءٍ، سُبْحَانَهُ وَتَعَلَّى عَمَّا يُشَرِّكُونَ.

MaksudNya;

Allah sahajalah yang telah mencipta kamu kemudian memberi kamu rezeki, kemudian mematikan kamu kemudian menghidupkan kamu (kembali), adakah di antara yang kamu sekutukan dengan Allah itu ada yang dapat berbuat sesuatu dari yang demikian itu? Maha Suci Dia dan Maha Tinggi dari apa yang mereka persekutukan.

(Surah al-Rūm, ayat 40)

Seorang pakar ekonomi Islam Malaysia menjelaskan tentang kesan riba ke atas ekonomi umat Islam di Malaysia. Orang Melayu yang beriltizam dengan Islam menghadapi konflik untuk memilih projek kerajaan yang melibatkan riba yang menjelaskan keimanannya, atau terus mempertahankan prinsip Islamnya sekalipun ia terus hidup miskin. Mereka sebenarnya sangat memerlukan pinjaman untuk membeli rumah, membeli kenderaan, ingin turut serta dalam perniagaan, ingin mencebur diri dalam pelaburan, perusahaan dan sebagainya. Tetapi semua pinjaman yang disediakan oleh kerajaan dan bukan kerajaan melibatkan riba. Sekiranya mereka mengambilnya, mereka melanggar larangan Allah yang mengharamkan riba, sekiranya mereka tidak turut serta mereka akan terus hidup mlarat.³⁰

Dalam hal seperti itu, Kerajaan bertanggungjawab memastikan sistem ekonomi yang ada sekarang bersih dari riba. Kerajaan bertanggungjawab di hadapan Allah di atas kesan sistem riba yang telah berlaku. Satu alternatif ke arah perubahan sistem tanpa riba boleh melepaskan tanggungjawab kerajaan di hadapan Allah seperti yang sedang berlaku sekarang ini.

6.2. Bahaya Riba Dilihat Dari Sudut Akhlak

Amalan riba boleh membentuk seseorang bersifat hina, bakhil, bangga diri, sompong, dengki, keras hati, cinta dunia, takut mati, pentingkan diri sendiri dan jauh dari sifat-sifat mulia, tidak suka merendah diri, tiada kasihan belas kepada orang miskin dan lemah, tidak suka membantu dan menolong orang yang sedang

^{30.} Mohd. Ali Baharum, Dr., *Masalah Perumahan, Penyelesaian Menurut Perspektif Islam*, Petaling Jaya: Dewan Postaka Islam, ABIM,cet 2, 1991, hlm 64-65.

dalam kesempitan. Bahkan mereka bersifat kejam, tidak bertimbang rasa dan tidak berperikemanusiaan.³¹

Urusniaga yang berjalan dengan cara riba melahirkan sifat-sifat buruk kepada setiap mereka yang terlibat dalam transaksi, antara pemodal dan pengusaha atau antara pemberi pinjaman dengan peminjam. Pemberi pinjaman riba akan terbentuklah sifat mementingkan diri serta cintakan dunia dan harta lebih dari cintakan keadilan dan timbangrasa sesama insan, lebih-lebih lagi saudara dalam seagama. Keuntungan hasil riba yang bertimbun-timbun itu sebenarnya tidak dapat memberi keberkatan hidup golongan pemodal yang mengamalkan riba. Allah s.w.t. berfirman;

وَمَا أَتَيْتُم مِّنْ رِبَا لِيُرِبِّوْا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يُرِبِّوْنَعْنَدَ اللَّهِ

Maksudnya;

Dan sesuatu riba (tambahan) yang kamu berikan, agar ia menambah pada harta manusia, maka (sebenarnya) ia tidak menambah pada sisi Allah..

(Surah al-Rūm, ayat 39)

Sebaliknya, peminjam atau pengusaha yang mendapat pinjaman riba akan membentuk sifat suka berdalih selagi boleh berdalih, suka berbantah dan suka berbohong, lahir rasa kebencian dan dendam, maki hamun dan cemuhan. Lebih serius lagi bila tekanan hutang riba itu menghimpitnya hingga menyebabkan jiwanya gelisah, runsing, fikiran menjadi kacau, tidak dapat beribadah dengan khusus, suka berkelahi, bertengkar dan bercerai berai dengan anak isteri, tidak

31. al-Maududi, al-Riba, hlm. 84; Muṣṭafa Hj. Daud, Pemikiran, hlm. 102; al-Šābūnī, op.cit., 395; Al-Zal al-Rahman, Doktrin, hlm.44; Mohd, Ali Bahrum, Dr. Masalah, hlm.57; al-Qardawī, al-Halāl, hlm.247, Mohamad Muslehuddin, Dr. Urusan Bank Dan Hukum Islam, Terjemahan: Izuddin Mohamad, KL: DBP, cet.2, 1988, hlm.81; Rodinson, Islam dan Kapitalisme, penterjemah: Asep Hekmat, Bandung: IQRA, 1982, hlm.70; Muhammad, Dr. al-Riba fi Nozil al-Qanūn al-Islāmi, Misr: al-Ittiḥād al-Duwāli li al-Bunūk al-Islāmiyyah, 1951M, hlm.19.

tenteram dan tidak boleh tidur, inilah bunga-bunga penyakit gila bagaikan dirasuk oleh syaitan, seperti apa yang telah dijelaskan oleh al-Quran sebaik sahaja mereka dibangkitkan daripada kubur mereka nanti. .

Ketika Inggeris memohon pinjaman tanpa bunga daripada Amerika di masa Perang Dunia ke II, Inggeris telah diberikan pinjaman dengan cara riba (interest). Menteri Kewangan Inggeris waktu itu, Dr. Delton menentang sekeras-kerasnya bentuk pinjaman seperti itu, walaupun beliau mendakwa sistem riba adalah suatu sistem ekonomi yang sangat praktis untuk dilaksanakan, tetapi yang menarik untuk diperhatikan ialah apabila Delton berkata di Parlimen;

"Sesungguhnya riba itu suatu perkara yang terlalu menyakitkan hati, memburukkan ikatan dan perhubungan antara manusia sesama manusia".³²

6.3. Bahaya Riba Dilihat Dari Sudut Sosial

Allah s.w.t. dan RasulNya telah mengharamkan riba, kerana amalan riba itu menghakis dan memusnahkan kemurnian hidup manusia itu sendiri. Manusia dicipta oleh Allah sebagai makhluk sosial yang memerlukan pertolongan dan bantuan orang lain. Manusia tidak boleh hidup sendiri dan tidak mampu menyediakan setiap keperluan dirinya, hasil daripada tangannya sendiri. Manusia memerlukan bantuan orang lain, untuk memenuhi keperluan makan, minum, pakaian, rumah tempat perlindungan yang sempurna dan selamat, kenderaan untuk bergerak, tanah dan negara tempat ia tinggal bagi menjalani kehidupan sebagai manusia. Sesuap nasi yang ditelan oleh seorang kaya, adalah hasil dari bantuan beratus-ratus orang lain dari berbagai-bagai lapisan masyarakat, iaitu daripada

³²

Petikan daripada al-Maudūdī, *al-Ribā*, hlm 44, dan petikan daripada Afzal al-Rahmān, *Doktrin*, jld.III, hlm 45.

keringat petani yang miskin hingga kepada pengusaha dan pemodal yang berharta. Begitulah hakikat keharmonian hidup tolong-menolong, bantu-membantu sesama manusia, bertimbangrasa dan berperikemanusiaan. Tidak ada manusia yang boleh hidup sendiri, masing-masing memerlukan antara satu sama lain.

Orang-orang yang mengambil riba sebenarnya tidak mempunyai perasaan yang halus di atas hubungan yang terjalin di antara mereka selama ini. Setiap pinjaman yang mereka hulurkan dikenakan faedah bayaran yang lebih. Perbuatan tersebut akan merenggangkan hubungan antara sesama saudara dan seagama, bahkan akan menghapuskan sifat insaniah yang ada pada manusia itu sendiri.

Perbuatan mengambil riba daripada orang yang sedang dalam kecemasan dan yang sangat memerlukan bantuan, sebahagian besar terdiri daripada orang-orang yang miskin, susah dan berpendapatan rendah, hanya akan menambah bebanan masalah mereka, bukan sebenarnya menolong mereka. Sikap golongan orang yang memberi pinjaman riba seperti itu adalah suatu perbuatan yang tidak bertimbangrasa, suatu penindasan yang sangat zalim yang hanya akan melahirkan kebencian yang berpanjangan, terutama dalam tempoh pinjaman riba itu belum selesai dibayar. Kebencian akan memuncak sekiranya pinjaman tertangguh tidak dapat dibayar pada tempoh yang ditetapkan, faedah riba meningkat berlipat kali ganda. Lebih malang lagi sekiranya pinjamannya dibatalkan, hartanya dirampas.

Allah berfirman;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آتَيْنَا لَأْ تَأْكُلُوا
أَمْوَالَكُمْ بِيَنْكُمْ بِالْبَاطِلِ

MaksudNya;

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan harta di antara kamu dengan cara yang batil (Surah al-Nisâ', ayat 29).

Sebenarnya riba tidak membawa keuntungan, jauh sekali kekayaan kepada masyarakat. Sebaliknya riba lebih banyak membawa keburukan dan kehancuran kepada masyarakat secara lebih parah, perbuatan memperolehi harta kekayaan dengan mengeksplorasi keperluan sesama manusia, amalan riba membawa bencana sosial yang buruk, membuka pintu fitnah dan pertikaian yang penuh dengan dendam di antara kelompok manusia.

Perbuatan riba yang diharamkan Allah itu pasti merosakkan perpaduan masyarakat, kerana perbuatan riba yang jelik itu memerah dan menghisap darah orang lain untuk mendapat keuntungan yang lebih tanpa menghiraukan kebencian dan kemarahan mangsa perbuatan riba. Sikap golongan pemodal dan pemberi pinjaman riba telah menutup budaya masyarakat penyayang, budaya tolong menolong, suka membantu, sebaliknya lahir cara hidup yang pentingkan diri sendiri yang bertentangan dengan ajaran Islam.³³

6.4. Bahaya Riba Dilihat Dari Sudut Ekonomi

Islam bukan sahaja menganggap riba itu suatu kemungkaran yang besar dalam agama, tetapi juga perbuatan jenayah yang besar dalam ekonomi. Orang yang mengamalkan riba telah melakukan kezaliman dalam ekonomi, membuat penyelewengan ke atas dana kewangan, serta mengaut keuntungan dengan cara yang tidak bermoral.

^{33.} al-*Sâbûnî*, *Rawâ’i al-Bayân*, jld.1, hlm.395&396; al-Qardâwî, Dr., op.cit., hlm.247&248; al-Zuhailî, Dr., op.cit., jld.4, hlm.682; al-*‘Assal*, Dr., op.cit., hlm.88; Mohamad Muslehuddin, Dr., *Urusan Bank*, hlm.81.

Manusia pada umumnya ada yang hidup senang dengan menikmati kekayaan hasil dari keringat yang diperah dari manusia lain. Ada juga yang hidup serba kurang dan sederhana tetapi tidak secukupnya, inilah yang paling ramai. Riba adalah satu-satunya jalan orang-orang kaya dan pemodal dapat mengumpul harta melalui penindasan, memerah titik peluh golongan miskin dan sederhana dengan mengambil faedah dari pinjaman riba, sebagai penindasan yang sangat zalim keatas golongan daif.³⁴

Imam al-Rāzī memberi pendapatnya dari sudut ekonomi, kenapa riba itu diharamkan:³⁵

Pertama:

Sesungguhnya riba itu membawa kepada perbuatan mengambil harta manusia lain tanpa ada pertukarannya, kerana sesiapa yang menjual satu dirham duit dengan harga dua dirham, dapatlah baginya tambahan satu dirham yang tidak ada tukaran sebenar, sedangkan setiap kewujudan wang itu mesti bersandarkan kepada wujudnya keperluan manusia, kerana itu wang adalah satu kehormatan yang sangat besar bagi diri manusia.

Kedua:

Sesungguhnya perbuatan berpegang kepada riba boleh menghalang manusia dari berkerja dengan berbagai-bagai usaha, kerana golongan pemodal bila mengeluarkan wangnya melalui transaksi riba mereka akan mendapat keuntungan faedah, baik secara tunai mahupun ansuran. Perbuatan tersebut mengurangkan usaha untuk berkerja, maka berlakulah masalah kekurangan pekerja di sektor-

^{34.} al-Šabūnī, op.cit., jld.1, hlm.396; Afzāl al-Rahmān, op.cit., jld.111, hlm.46

^{35.} al-Rāzī, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*, Miṣr: Ṭabqah Ḩabib al-Rahmān Muhammād, t.t., jld.7, hlm.4; al-Qardawī, Dr., op.cit., hlm.247.

sektor perdagangan dan sektor perindustrian disebabkan sumber tenaga manusia yang tidak produktif lagi, sedangkan semua maklum, bahawa kekayaan dunia tidak akan tercapai tanpa adanya sektor-sektor di bidang perniagaan, pembuatan, perindustrian dan sektor pembangunan.

Jadi jelaslah urusniaga dengan cara riba itu bukanlah cara yang produktif, kerana pemodal memberikan pinjaman tanpa kekurangan dan kerugian apa-apa pun. Keuntungan faedah yang mereka ambil hanyalah merupakan jumlah bayaran yang dipotong dari harga si peminjam atau pengusaha atau dari harta orang awam jika pinjaman itu diberi kepada kerajaan.³⁶

Pada zahirnya pertambahan yang nampak pada harta pemodal atau pemutang melalui cara riba hanyalah sementara sahaja, sedangkan hartanya yang ada itu tidak akan bertambah seperti bertambahnya harta yang dicari melalui cara tanpa riba. Di samping itu, urusniaga dengan cara riba akan menyebabkan kemalasan dan pengangguran dan terciptanya kelompok manusia yang memperolehi harta dengan menanti sahaja tanpa berusaha dan berikhtiar. Ini bertentangan dengan nilai-nilai Islam yang menyuruh manusia berkerja keras.³⁷

Seorang pakar ekonomi Islam Malaysia dalam kajiannya menyatakan: "Kesan riba ke atas ekonomi umat Islam di Malaysia akibat amalan sistem ekonomi kapitalis, akhirnya diterima, dan amat sukar meyakinkan sistem itu bercanggah dengan Islam, termasuk daripada alim ulama sendiri. Pihak bertanggungjawab, seperti pemimpin-pemimpin yang beragama Islam, terlibat membenarkan sistem

^{36.}: al-'Assal, Dr., op.cit., hlm.87-88

^{37.}: al-'Assal, Dr., op.cit., hlm.87&88

riba itu berjalan. Mereka bertanggungjawab di hadapan Allah jika mereka tidak bertindak mengubah atau mencari alternatif lain yang tidak riba".³⁸

Ahli-ahli ekonomi Islam berpendapat, bahawa sistem riba ini akan melahirkan kaum pemodal yang bersikap negatif. Mereka lebih suka mengeluarkan pinjaman dengan mengaut faedah riba yang pulangannya lebih menguntungkan pada anggapan mereka, tidak suka bergiat sendiri dalam sektor pembuatan atau pengeluaran yang berisiko tinggi bagi mereka.³⁹

Ahli-ahli ekonomi Islam juga berpendapat bahawa teori bunga atau riba akan menaikkan harga barang untuk membayar faedah pinjaman yang ditanggung oleh pengilang, pengusaha dan peniaga. Mereka akan menaikkan harga untuk menutup bayaran faedah ke atas pinjaman yang mereka buat. Orang yang menjadi mangsa perbuatan riba bukan peminjam, tetapi pengguna iaitu orang awam yang membeli barang tersebut. Amalan mengenakan faedah atau bunga boleh menyebabkan berlakunya inflasi, kerana setiap harga jualan yang dicampur dengan faedah ia pasti akan menyebabkan kenaikan ke atas harga barang tersebut. Sekiranya pengeluar dan pengusaha barang menghadkan atau menghentikan pengeluarannya, kemudian penjual pula turut menyorokkan barang yang ada di pasaran, maka permintaan terhadap barang tersebut akan bertambah dan menyebabkan harga barang pasti akan naik, kenaikan tersebut tidak hanya akan melibatkan kenaikan harga barang tetapi akan melibatkan juga kenaikan faedah pinjaman. Perbuatan tersebut sangat-sangat dilarang oleh Islam, sebuah Hadith RasūluLlah ᷟ.ṣ.a.w. menjelaskan yang maksudnya;

^{38.} Mohd. Ali Bahrum, Dr., *Masalah*, hlm.63; Muhammad, Dr , *al-Riba*, hlm 23

^{39.} Mohd Ali Bahrum, Dr.,Op.cit, hlm63; al-Qarīfāwī, op cit , hlm 247; al-Assal, op.cit., hlm.87

Daripada Ma'mar bin 'Abdillah r.a. daripada RasūluLlāh s.a.w. telah bersabda; "Tidaklah ia menahan barang (menyorok barang untuk tujuan menaikkan harga) melainkan dia tetap bersalah (berdosa).

(Riwayat Muslim)⁴⁰

Dalam sistem ekonomi kapitalis di mana kebebasan individu menjadi dasar, pemakan riba atau pemberi pinjaman berfaedah, bebas menentukan keuntungan mereka tanpa moral. Pengusaha kilang bebas memenuhi pertambahan pengeluaran dengan cara memberhentikan pengeluaran pada tempoh tertentu dan membuang pekerja-pekerja, atau dengan cara memusnahkan produk atau tidak mengedarkan pengeluarannya di pasaran demi untuk memastikan harga jualan tetap tinggi.⁴¹

Contoh lain tentang keburukan riba dilihat dari sudut ekonomi seperti peristiwa "black Monday" atau sejarah hitam hari Isnin yang berlaku di Pasaran Saham New York. Ianya adalah disebabkan Perbendaharan Amerika mula menaikkan kadar faedah untuk tujuan menarik lebih ramai pelabur-pelabur dalam pasaran wang kerajaan atau sekuriti berpendapatan tetap (fixed income securities), dengan ini kerajaan mempunyai pembiayaan yang kukuh ke atas defisit belanjawan negara.

Apabila kadar faedah sekuriti berpendapatan tetap seperti bon, bil dan nota perbendaharaan naik, maka para pelabur di pasaran saham telah mula mengalihkan pelaburan mereka kepada sekuriti berpendapatan tetap di mana hasil keuntungannya terus meningkat. Bila kadar faedah naik maka kos pengeluaran juga turut naik seperti yang dijelaskan sebelum ini. Kesannya ia menjelaskan

40. Ibn Hajar, *op.cit.*, hlm.99

41. al-Labidi, *Ekonomi Islam Suatu Perbandingan*, KL: A.S. Noordeen, 1407H/1987M, hlm.14

pendapatan sektor korporat dan ekonomi keseluruhannya. Sebaliknya hasil keuntungan dan pelaburan saham mula menurun dan sentimen para pelabur di Pasaran Saham New York menurun akibat dari kenaikan kadar faedah di pasaran saham kerajaan.

Kadar faedah di Jerman Barat, Jepun dan United Kingdom juga meningkat, masing-masing berusaha untuk membendung inflasi, untuk menyekat pelabur-pelabur Amerika mengalihkan pelaburan mereka ke Jerman Barat, Jepun dan United Kingdom supaya pengaliran wang tidak melimpah keluar negara, maka kerajaan Amerika terpaksa menaikkan lagi kadar faedah kewangannya di pasaran saham kerajaan sehingga meningkat empat kali ganda kepada 4.5% hanya untuk tempoh 8 bulan pertama 1987, berbanding sebelumnya 1.1% dalam tempoh 1986 dan untuk mengatasi tekanan inflasi, Amerika Syarikat menaikkan lagi kadar faedahnya pada Ogos, 1987.

Pasaran saham mula merosot akibat kebimbangan terhadap aliran meningkat kadar faedah, suasana bertambah gawat apabila Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat mengumumkan defisit dagangan bulan Ogos melambung kepada US\$15.7 billion lebih dari jangkaan. Sebaliknya pasaran saham menjunam jatuh 95.46 mata dan dollar Amerika pula jatuh 142.3 yen pada hari sebelumnya.

Pada 15hb. Oktober, 1987, jualan saham melanda Pasaran Saham New York, dalam masa 20 minit Indeks Dow Jones jatuh 50 mata dan ditutup rendah pada paras 2355.09 mata, jatuh 57.6 mata. Pada hari berikutnya merosot lagi 108.36 mata kepada 2246.75 mata.

Apabila Setiausaha Perbendaharaan Amerika James Baker membuat kenyataan di televisyen pada 18hb. Oktober, 1987, bahawa Amerika Syarikat tidak akan berdiam diri melihat negara mengalami surplus menaikkan kadar faedahnya,

maka para pelabur di seluruh dunia beranggapan Amerika Syarikat akan turut menaikkan kadar faedahnya. Dalam keadaan yang kurang pertimbangan dan emosi, para pelabur menjual saham-saham mereka sehingga pada 19 Oktober, 1987, Pasaran Saham New York menjunam 508.32 mata dalam dagangan paling besar iaitu 603 juta saham sebagai satu kejatuhan yang lebih dahsyat dari krisis yang disebabkan oleh spekulasi kejatuhan saham Wall Street pada bulan Oktober, 1929 yang membawa kepada kemelesetan besar dunia tahun 1930an (Great Depression 1930).⁴²

Bagi Imam al-Maududi, keburukan riba ke atas ekonomi dapat dilihat kepada pelbagai jenis pinjaman:⁴³

(1) Pinjaman Pengguna (Qurūd Dhī al-Hājah):

Pinjaman ini berlaku di kalangan orang-orang miskin dan golongan pertengahan untuk memenuhi keperluan mereka sehari-hari. Upah dan gaji mereka terlalu rendah, selepas mereka membayar hutang dan bunganya, hanya sedikit lagi yang tinggal untuk perut mereka, walaupun untuk dua kali sehari.

Hidup mereka dibelenggu dengan hutang riba turun-temurun, merendahkan taraf hidup dan pendidikan anak-anak mereka. Kesengsaraan mereka menjaskankan pengeluaran dan melemahkan ekonomi negara seluruhnya.

Di Malaysia banyak berlaku ke atas orang-orang miskin, terutama yang tinggal di kampung-kampung dan rancangan FELDA, tidak kurang yang tinggal di pinggir-pinggir bandar. Budaya hutang telah membelenggu hidup mereka. Antara

⁴² William Greider, *Secrets Of The Temple, How the Federal Reserve Runs the Country*, New York: Simon and Schuster, 1987, p 711. Azlan Khalil, *Saham dan Pelaburan*, KL: Penerbitan Fajar Bakti, 1993, hlm 61-65 Mohd. Ali Bahrumi, Dr., *Masalah*, hlm 59-62.

⁴³. al-Maududi, *al-Riba*, hlm.41-46; Afzal al-Rahman, op.cit., jld.3, hlm 45-49

barang yang dibeli oleh mereka secara hutang riba ialah seperti tanah dan rumah. Peralatan dapur termasuklah peralatan memasak seperti periuk dan cerek elektrik, dapur gas, peti sejuk, pengisar serba guna, set pinggan mangkuk dan cawan. Peralatan-peralatan rumah adalah seperti meja makan, mesin basuh, set kerusi, almari, karpet dan set katil. Alat-alat hiburan seperti televisyen, radio dan video. Alat-alat multi media seperti komputer, fax , telefon bimbit dan telefon. Pakaian seperti kain, baju, jam tangan dan barang kemas juga terlibat dengan pinjaman. Sekiranya setiap keperluan yang tersebut di atas itu dibeli dengan hutang riba, maka bermakna sepanjang hayatlah mereka sentiasa ditindas tanpa peri kemanusiaan..

(2) Pinjaman Perniagaan dan Pembuatan (*Quriūd al-Tijārī wa al-Sunnāt*):

Iaitu pinjaman para pedagang, pekilang dan petani untuk tujuan yang produktif, bunga pinjaman yang dikenakan oleh kapitalis kepada mereka itu membawa kesan buruk ke atas masyarakat, antaranya;

- a) Sebahagian besar modal masyarakat tinggal terbiar, tidak dilepaskan oleh kapitalis untuk tujuan mendapatkan kadar faedah yang tinggi.
- b) Golongan kapitalis menarik keluar tabungan mereka daripada pasaran wang, kerana mahu bayaran yang lebih.
- c) Golongan kapitalis tidak mengeluarkan pinjaman jangka panjang untuk melabur dalam industri dan perdagangan, kerana keuntungan yang lebih tinggi boleh didapati daripada urusniaga spekulasi dan urusniaga yang mengharapkan kadar bunga pada masa hadapan.

Kesan buruk yang tersebut itu melanda juga kepada ahli perniagaan, pekilang dan petani di Malaysia, bunga pinjaman riba yang dikenakan kepada mereka menyebabkan ramai di antara mereka tertindas tanpa prikemanusiaan. Para petani pula menghadapi delima, hasil padi tidak bertambah, tetapi mereka terpaksa membayar faedah hutang jentera pertanian yang mereka beli dengan pinjaman riba.

(3) Pinjaman Kerajaan (*Qurūd al-Hukūmat*):

a) Pinjaman kerajaan dari dalam negeri.

Pinjaman dalam negeri ada yang produktif, seperti pinjaman untuk projek pembangunan, membina talair, landasan keretapi, hidro-letrik, empangan-empangan air dan jalan-jalan raya. Pinjaman yang tidak produktif pula iaitu pinjaman untuk kecemasan, kebuluran, gempa bumi dan perang.

Adalah sangat tidak berperih kemanusiaan, sekiranya golongan kapitalis tetap mengenakan bunga ke atas pinjaman kerajaan yang melindungi rakyatnya dan harta mereka, termasuklah golongan kapitalis sendiri, sedangkan rakyat lain mengorbankan bukan hanya sekadar harta benda mereka sahaja, tetapi juga nyawa mereka untuk mempertahankan negara.

b) Pinjaman kerajaan dari luar negeri.

Samada untuk tujuan produktif atau tidak, ia boleh menghancurkan ekonomi sesebuah negara, dan boleh juga mencetuskan pertelingkahan dan

peperangan. Hutang luar negara sangat membahayakan keselamatan negara-negara kecil, terutama yang baru merdeka yang tidak mempunyai asas kewangan dan kestabilan politik yang kukuh untuk berdikari.

Ketiga-tiga bentuk pinjaman yang dikemukakan oleh al-Maududi itu, merupakan bentuk pinjaman riba yang membawa keburukan kepada individu, masyarakat dan negara seluruhnya. Pinjaman riba kepada pengguna boleh melemahkan produktiviti ekonomi negara, pinjaman riba kepada bidang perniagaan dan pembuatan boleh menjelaskan kos pengeluaran meningkat, pinjaman riba kepada kerajaan boleh menyebabkan kerajaan tidak mampu menyediakan kemudahan kepada rakyatnya dengan sempurna, atau boleh menyebabkan peperangan. Riba jika tidak dikawal, bukan sahaja boleh melumpuhkan sistem ekonomi, bahkan boleh menjelaskan kesetabilan sistem masyarakat dan negara seluruhnya.

7. Latar Belakang Amalan Pinjaman dan Pembiayaan Tanpa Riba:

7.1. Amalan Meminjam Dilihat Dari Sudut Islam

Islam tidak menggalakkan umatnya melakukan amalan suka meminjam, sekalipun pinjaman itu tidak melibatkan riba. Islam sangat tidak menyukai sekiranya amalan meminjam atau berhutang itu lebih dari keperluan atas hidup seseorang yang berhutang, seperti seorang yang sudah berhutang kerana membeli rumah, kemudian ia berhutang lagi kali kedua untuk membeli rumah yang lain pula, atau seseorang itu sudah memiliki hartanah yang sudah banyak, kemudian ia

sanggup berhutang lagi untuk membeli tanah yang lain bagi menambahkan lagi hartanahnya yang sudah ada.

Suatu ketika RasūluLlāh s.a.w. didengari berdoa;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الْكُفُرِ وَالَّذِينَ ، فَقَالَ رَجُلٌ^{٤٤} :
أَتَعْدِلُ الْكُفُرَ بِالَّذِينَ يَا رَسُولَ اللَّهِ ؟ قَالَ : نَعَمْ .

Maksudnya;

Aku memohon perlindungan Allah dari perbuatan kufur dan hutang, lalu seorang lelaki bertanya kepada baginda, adakah kamu samakan kekusuran dengan hutang wahai RasūluLlāh?. Jawab RasūluLlāh; Ya.⁴⁴

Hadith yang tersebut di atas dengan jelas memperlihatkan sikap RasūluLlāh s.a.w. terhadap amalan suka berhutang, sekiranya perbuatan kufur diperangi secara habis-habisan oleh RasūluLlāh s.a.w., maka Hadith tersebut jelas menunjukkan bahawa amalan suka berhutang juga harus diperangi seperti memerangi amalan-amalan kekusuran.

Dalam suatu peristiwa yang lain, Jabir dan Abu Hurairah r.a. telah meriwayatkan, bahawa RasūluLlāh s.a.w. enggan menyembahyangkan jenazah seorang sahabat yang telah meninggal dunia apabila RasūluLlāh s.a.w. mengetahui sahabat yang meninggal dunia itu masih meninggalkan hutang yang belum dibayar. Tindakan RasūluLlāh s.a.w. yang enggan menyembahyangkan orang yang berhutang, seolah-olah "dosa hutang" tidak akan diampunkan seperti dosa syirik, lebih-lebih lagi sekiranya hutangnya itu adalah hutang riba yang diharamkan oleh Allah. Beliau bersabda;

44 . *al-Hakim, al-Mustadrak*, Jld.2, hlm.23.

يَغْفِرُ لِلشَّهِيدِ كُلُّ شَيْءٍ إِلَّا الدِّينَ

Maksudnya;

*Diampunkan orang yang mati syahid akan semua dosanya, kecuali hutangnya.*⁴⁵

Tekanan hutang akan membawa kesan yang mendalam dalam jiwa seseorang yang berhutang, pada zahirnya mereka nampak hebat dengan harta yang dikumpul dari duit hutang, tetapi dalam jiwa mereka sebenarnya terkumpul setinggi gunung karesahan. Fikiran mereka tidak tenteram, tidak suka menerima pandangan atau nasihat, mengganggu kerhatan dan kerukunan hidup berkeluarga. RasūlLlah ᷟ.s.w. sering berdoa memohon kepada Allah supaya dijauhkan amalan hutang, antara doa yang selalu dibaca oleh Baginda, maksudnya;

*Ya Allah! sesungguhnya aku berlindung denganMu dari dosa dan banyak hutang. Beliau lalu ditanya, sesungguhnya Engkau meminta lindung dari banyak hutang? Ya RasūlLlah! Jawab RasūlLlah s.a.w. sesungguhnya orang yang berhutang itu, bila bercakap dia berbohong, bila berjanji dia memungkirinya.*⁴⁶

Islam menghendaki umatnya suka memberi dan bersedekah, atau memberi pinjaman tanpa mengenakan bunga atau faedah. Sejarah memberi pinjaman dan pembiayaan tanpa riba, bukanlah isu baru masa kini. Amalan tersebut sudah berlaku, semenjak awal kebangkitan Islam di zaman RasūlLlah s.a.w.. Islam yang dibawa oleh baginda RasūlLlah s.a.w. itu, menekankan supaya umatnya memberi pinjaman tanpa mengenakan bayaran balik melebihi dari jumlah pinjaman yang diberi sebagai riba. Bahkan setiap pinjaman yang diberi merupakan amalan

⁴⁵. al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, jld.2, hlm 38

⁴⁶. al-Bukhārī, op.cit., jld 2, hlm.57

kebijakan yang sangat disanjung tinggi oleh Islam. Sebaliknya Islam tidak menyukai penganutnya suka meminta-minta. RasūluLlāh s.a.w. telah bersabda,

الْبَدْ الْعُلَيْا خَيْرٌ مِّنَ الْبَدْ السُّفْلَى

maksudnya;
*Tangan yang di atas itu lebih baik daripada tangan yang di bawah.*⁴⁷

Islam menggalakkan penganutnya supaya suka menolong orang yang faqir, miskin dan yang sangat memerlukan bantuan. Tangan yang di atas bermaksud orang yang suka membantu dan memberi pertolongan, perbuatan tersebut sangat mulia dalam ajaran Islam. Sekalipun meminjam atau berhutang itu tidak dilarang, tetapi amalan berhutang itu adalah sifat yang tidak disenangi oleh masyarakat, bahkan tidak akan menghormati orang yang mempunyai hutang keliling pinggang, lebih-lebih lagi hutang yang ada faedah riba.

Tangan yang di atas seperti yang disebut dalam Hadith, bermaksud bahawa umat Islam mestilah menjadi orang yang kaya dan berharta. Kerana dengan adanya harta barulah umat Islam boleh memberi, dengan memiliki harta umat Islam tidak akan menjadi orang yang meminta-minta. Lebih jauh dari itu umat Islam akan dapat menghindar diri daripada perangkap pinjaman riba yang dikutuk Allah^{itu}.

Dalam sejarah hidup manusia, tidak ada siapa yang boleh bebas daripada memohon bantuan dan meminta pinjaman, untuk membolehkannya hidup dan berkerja mencari keperluan hidup. Sejarah amalan pinjaman dan pembiayaan, bermula dari zaman sebelum kebangkitan RasūluLlāh s.a.w., iaitu pada abad ke 6

^{47.} al-Bukhāri, op.cit, jld. 1, hlm. 605; Muslim, op.cit, jld. 2, hlm. 712

Sebelum Masehi. Sejarah pinjaman dan pembiayaan tanpa riba di zaman Rasulullah s.a.w. pula menjadi asas *Tashri*⁴⁸ atau asas perundangan Islam yang merakamkan pengharaman riba secara berperingkat-peringkat, seperti berikut:

7.2. Amalan Pinjaman dan Pembiayaan di Zaman Jahiliyyah

Amalan peminjaman dan pembiayaan wang di zaman jahiliyyah untuk mengembangkan modal pokok memang tidak asing lagi bagi masyarakat Mekah. Peminjaman wang berbunga sering dilakukan oleh orang Arab Mekah pada abad-abad pertengahan. Masyarakat Arab menjadikan Mekah sebagai pusat dagangan yang bersifat kapitalis, orang-orang Arab termasuk suku Quraisy telah menyumbangkan modal untuk membiayai usaha-usaha dagangan oleh peminjam-peminjam wang dengan mengenakan bunga atau yang disebut sebagai riba.⁴⁸

Namun begitu terdapat juga segelintir penyembah-penyembah berhala yang membenci perbuatan pemodal-pemodal Arab yang mengenakan bunga atau riba ke atas peminjam-peminjam atau pengusaha-pengusaha dagangan waktu itu. Tetapi oleh kerana golongan usahawan Arab itu terlalu kecil bilangannya, maka pembiayaan yang terkumpul dari harta mereka yang bersih dari judi dan riba itu juga adalah sedikit, tidak cukup untuk memperbaiki keseluruhan bangunan Ka'bah.⁴⁹

^{48.} Ibn Hishām, *Sīrah al-Nabiy s.a.w.* Miṣr: al-Maktab al-Tijārī al-Kubrā, t.t., jld. 1, hlm. 194; Muḥammad, *al-Ribā fi Nazr al-Qanūn al-Islāmī*, Miṣr al-Iḥād al-Duwāli li al-Bunūk al-Islāmiyyah, 1951M, hlm.6.

^{49.} Ibn Hishām, *sīrah al-Nabiy s.a.w.* Miṣr: al-Maktab al-Tijārī al-Kubrā, t.t., jld. 1, hlm. 194; Muḥammad, *al-Ribā fi Nazr al-Qanūn al-Islāmī*, Miṣr al-Iḥād al-Duwāli li al-Bunūk al-Islāmiyyah, 1951M, hlm. 6.

7.3. Latar Belakang Sejarah Pinjaman dan Pembiayaan

Tanpa Riba:

(1) Sebelum Menjadi Rasul

Pembiayaan pertama dalam sejarah berlaku pada diri RasūluLlāh s.a.w. ialah pada masa baginda menjangkau usia 25 tahun, iaitu 2 bulan sebelum pernikahan baginda dengan isterinya Khadijah binti Khuwailid yang waktu itu sedang berusia 40 tahun. Apabila berita sampai kepada Khadijah, bahawa RasūluLlāh s.a.w. adalah seorang yang bercakap benar, amanah dan mempunyai akhlak yang mulia, maka Khadijah menghantar perutusannya, untuk mengajak RasūluLlāh s.a.w. keluar membawa barang perniagaannya ke Sham. Khadijah berjanji untuk memberi keuntungan yang lebih baik dari hasil perniagaannya itu daripada orang lain. Khadijah juga memberikan hambanya Maisarah untuk membantu baginda. Tawaran tersebut diterima oleh RasuluLlah s.a.w., keluarlah RasūluLlāh s.a.w. bersama Maisarah dengan membawa barang dagangan Khadijah ke Sham.⁵⁰

Peristiwa tersebut menjadi bahan bukti sejarah pembiayaan yang sangat kuat, tetapi tidak kuat untuk menjadi bukti yang setanding dengan Nas Sharaf, kerana ia terjadi sebelum RasūluLlāh s.a.w. dibangkitkan menjadi Rasul.⁵¹

⁵⁰. Ibn Hishām, op.cit., , jld.1 (1&2), hlm.192-193; al-Bujairimī, op cit., jld 3, hlm.157; Shalabi, Dr. *Mausū'ah al-Tūrīkh al-Islāmī wa Khadārah al-Islāmiyyah*, Mīṣr Maktabah al-Nahdah, 1974M, jld.1, hlm. 190 &191.

⁵¹. Muhammad, *al-Rībā fi Nazr al-Qanūn al-Islāmī*, Mīṣr al-Ittiḥād al-Duwāli Li al-Bunūk al-Islāmiyyah, 1951, hlm.6.

Sejarah yang tersebut di atas itu sangat penting untuk difahami, bagi membezakan amalan pembiayaan antara zaman jahiliah dengan zaman sebelum RasūluLlāh ﷺ dilantik menjadi Rasul, kerana zaman jahiliah ialah zaman masyarakat Arab menyembah berhala, jahil tentang tuhan yang mereka sembah, sedangkan zaman yang dikaitkan dengan sebelum kenabian RasuluLlah s.a.w. adalah bermakna zaman di mana RasūluLlāh ﷺ berusaha menghindarkan dirinya dari menyembah berhala dan sentiasa beribadah mendekatkan diri dengan Allah di Gua Hīrā'. Ini bermakna bahawa amalan pembiayaan tanpa riba yang dilakukan oleh orang jahiliah adalah dalam keadaan diri mereka masih menyembah berhala, sedang amalan pembiayaan yang berlaku antara Khadijah dengan RasūluLlāh ﷺ adalah dalam keadaan diri mereka bersih dan suci dari menyembah berhala.⁵²

Peristiwa tersebut berlaku pada musim kemarau panjang yang mencengkam kehidupan orang-orang Arab beberapa tahun, mereka kehabisan makanan, kebun tanaman tidak berbuah, binatang ternakan tidak menjadi, usaha dagangan tempatan terlalu lembab dan menyakitkan. Bapa saudara baginda Abū Ḥālid yang memelihara baginda turut sama merasakan keperitan kemarau yang buruk itu, akhirnya bapa saudaranya terpaksa berkata kepada Baginda;

"Wahai anak saudaraku, aku seorang lelaki yang tidak memiliki harta, kemarau telah mencengkam kita bertahun-tahun, kita telah kehabisan makanan, tidak ada lagi barang yang boleh kita makan, kita juga tidak ada harta yang boleh diusahakan, apa lagi perniagaan yang boleh kita jalankan, kita hanya ada seekor unta yang boleh membawa makanan, ia pernah dibawa ke Sham. Siti Khadijah pula sering menghantar beberapa orang lelaki dengan untanya untuk

^{52.} Ibn Khaldūn, Muqaddimah Ibn Khaldūn, hlm. 74

memperniagakan hartanya di sana, mereka kembali dengan membawa hasil keuntungan. Sekiranya kamu boleh menemui Khadijah dan menerangkan kedudukanmu yang sebenar, dia pasti akan menerima mu, kerana kamu mempunyai kelebihan daripada mereka, berita kebersihanmu juga telah sampai kepadanya. Tetapi sebenarnya aku tidak suka kamu dihantar ke Sham, aku takut orang-orang Yahudi akan mencederakanmu, namun kita sudah tidak ada jalan lain lagi selain dari yang demikian itu"⁵³

RasūluLlāh s̄.a.w. telah memberi harapan kepada bapa saudara yang memeliharanya itu dengan berkata; "mudah-mudahan Khadijah mahu menghantar aku untuk menguruskan perniagaannya itu". Walau bagaimana pun Abū Ṭalib masih ragu dan berkata; "sesungguhnya aku bimbang Khadijah akan memilih orang lain selain kamu, oleh itu segeralah kamu memohon pekerjaan itu".⁵⁴

Perbualan mereka berdua itu rupanya telah sampai ke pengetahuan Khadijah, kata Khadijah; "aku tidak tahu rupanya beliau ingin menjalankan perniagaan ini". Khadijah pun menghantar perutusan menemui baginda dan menyatakan minatnya untuk menghantar beliau, kerana kata-kata baginda yang sentiasa benar, amanah baginda yang tinggi dan akhlak baginda yang sangat mulia itu, Khadijah telah memberikan hartanya yang lebih dari orang lain. RasūluLlāh s̄.a.w. terlalu gembira dan terus menerima tawaran tersebut, baginda segera menemui bapa saudaranya Abu Talib dan menceritakan kepadanya berita tersebut, Abū Ṭalib begitu gembira seraya berkata; "inilah dia rezeki yang Allah berikan kepadamu".⁵⁵

^{53.} al-Bujairimi, op.cit., jld.3, hlm.157-158.

^{54.} Ibid. hlm.158.

^{55.} Ibid.

Khadijah telah menyerahkan hartanya kepada RasūluLlāh s.a.w. untuk diniagakan, bahkan Khadijah juga menghantar hambanya Maisarah membantu RasūluLlāh s.a.w. menjalankan perniagaannya. Khadijah berpesan kepada Maisarah, supaya jangan mengingkari perintah baginda dan jangan menyalahi pandangan baginda.

Peristiwa tersebut itu merupakan sejarah yang penting dalam mu'amalah pembiayaan tanpa riba, sebelum RasūluLlāh s.a.w. menjadi Rasul. Pada hakikatnya Khadijah telah mewakilkan hartanya di tangan RasūluLlāh s.a.w. untuk diurusniagakan, hasil keuntungan perniagaan tersebut akan dikongsi bersama oleh mereka berdua. Walaubagaimanapun, Imam al-Mawardi berpendapat; keuntungan 25 kali ganda lebih banyak dari orang lain yang diberi oleh Khadijah itu, sebagai upah bermiaga, kerana terlalu amanahnya, bukan sebagai keuntungan yang dijanjikan kepadanya.⁵⁶

Penulis berpendapat, kenyataan al-Mawardi itu tidak menafikan urusniaga antara Khadijah dengan RasuluLlah s.a.w. Pemberian untung 25 kali ganda lebih dari orang lain itu, adalah pemberian bahagian keuntungan al-Muđarabah dengan bonus atau hadiah, lantaran kecemerlangan yang ditunjuk oleh RasūluLlāh s.a.w. dalam menguruskan perniagaan, serta amanahnya dengan pembiayaan yang diberi oleh Khadijah.

(2) Selepas Dilantik Menjadi Rasul

⁵⁶ Ibid., hlm. 157 - 158

Sejarah urusniaga pinjaman dan pembiayaan tanpa riba selepas RasūluLLāh s.ā.w. diutus menjadi Rasul, bermula dari peringkat pengharaman amalan riba itu sendiri. Riba diharamkan oleh Allah secara berperingkat-peringkat seperti Allah mengharamkan arak secara berperingkat-peringkat. Bila riba dilarang oleh Allah maka urusniaga pinjaman dan pembiayaan mula diamal tanpa melibatkan unsur-unsur riba. Riba diharamkan oleh Allah s.w.t. secara berperingkat-peringkat.⁵⁷

(2.1) Pengharaman Riba Peringkat Pertama.

Mula-mula Allah s.w.t. hanya sekadar menyatakan kebencian dan kemurkaaNya terhadap perbuatan riba. Sesungguhnya perbuatan riba tidak mendatangkan apa-apa ganjaran pahala di sisi Allah, ia merupakan amalan yang negatif yang patut disisih dari kehidupan umat Islam. Allah s.w.t. memberikan peringatan tersebut dalam firmanNya;

وَمَا أَتَيْتُمْ مِنْ رِبَاٰ لِيَرِبُّواٰ فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرِبُّواٰ
عِنْدَ اللَّهِ . وَمَا أَتَيْتُمْ مِنْ زَكْوَةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ
فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُضَعَّفُونَ .

MaksudNya;

Dan apa-apa barang yang kamu berikan dari hasil usaha riba agar dia dapat menambahkan hartanya melalui harta orang ramai, maka perbuatan ribanya itu tidak akan menambah hartanya di sisi Allah. Dan apa-apa barang yang kamu berikan dari harta zakat yang kamu inginkan untuk mencapai keredhaan Allah, maka mereka itu adalah orang yang diberi pahala berlipat kali ganda.

(Surah al-Rum, ayat 39)

^{57.} al-Šabūnī, op.cit., jld. 1, hlm. 389-391.

Ayat tersebut diturunkan di Mekah, tidak mengisyaratkan kepada pengharaman riba. Ayat tersebut sekadar menunjukkan kemurkaan Allah s.w.t. kepada perbuatan riba. Sesungguhnya perbuatan menambah harta melalui riba itu tidak ada pahala di sisi Allah. Pemberian yang ada pahala ialah pemberian zakat yang bersih kerana Allah. Kemurkaan Allah terhadap amalan riba adalah merupakan nasihat supaya pengusaha atau pengamal riba mula bertindak meninggalkan perbuatan riba. Dari sini mereka mula terarah untuk memikirkan apakah alternatif lain dalam urusniaga mereka tanpa riba.

(2.2) Pengharaman Riba Peringkat Kedua

Setelah Allah s.w.t mengajak mereka berfikir, bahawa pada hakikatnya riba itu tidak menambah harta mereka, Allah juga mengajak mereka membandingkan antara riba yang tidak berkat, dengan zakat yang diberi pahala berlipat kali ganda. Maka pada peringkat kedua pengharaman riba, Allah s.w.t. mula mengancam pengamal-pengamal riba dengan menjanjikan azab yang pedih, iaitu secara tidak langsung melalui cerita orang-orang Yahudi yang menzalimi diri mereka sendiri, kerana melakukan perbuatan yang diharamkan oleh Allah, dengan memakan harta orang lain secara batil. Cerita ini dapat dilihat melalui ayat yang telah diturunkan oleh Allah s.w.t.;

فَيُظْلِمُ مِنَ الَّذِينَ هَادُوا حَرَمَنَا عَلَيْهِمْ طَبِيعَاتٍ أَحِلَّتْ
لَهُمْ وَيَصْدِرُهُمْ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ كَثِيرًا . وَأَخْذَهُمْ الرِّبَا
وَقَدْ نَهُوا عَنْهُ وَأَكْلُهُمْ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَأَعْنَدُنَا
لِلْكَافِرِينَ مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا .

MaksudNya;

Maka disebabkan kezaliman orang-orang Yahudi, Kami haramkan ke atas mereka memakan makanan yang baik-

baik yang dahulunya dihalalkan bagi mereka, dan kerana mereka banyak menghalangi manusia dari jalan Allah. Dan mereka telah memakan riba yang sesungguhnya dahulunya telah diharamkan ke atas mereka dan mereka telah memakan harta manusia dengan cara yang batil, dan kerana itu kami telah menjanjikan bagi orang-orang yang kafir dari mereka itu azab yang pedih.

(Surah al-Nisa', ayat 160 & 161)

Ayat yang tersebut di atas itu adalah ayat Madaniyyah. Allah s.w.t. telah menunjukkan kepada kita tentang sejarah satu umat yang diharamkan riba ke atas mereka iaitu umat Yahudi, tetapi mereka sendiri telah melanggar pengharaman tersebut dengan mengambil riba, kerana itu mereka berhak menerima azab dan laknat Allah. Pengharaman ini walaupun ditujukan ke atas umat Yahudi, tetapi secara tidak langsung pengharaman itu untuk menegaskan kepada pengharaman riba.

Allah s.w.t. dengan tegas mengharamkan riba di kalangan umat Yahudi, tetapi Allah belum menjelaskan secara putus dan terang kepada umat Islam, namun umat Islam boleh membuat kesimpulan, jika sekiranya umat Yahudi diharamkan mengambil riba, maka umat Islam juga tentulah diharamkan dari mengambil riba. Keputusan ini menuntut umat Islam supaya menentukan sikap dan tindakan, apakah jalan urusniaga pinjaman dan pembiayaan tanpa riba sebagai satu-satunya transaksi yang mesti diambil secara putus.

(2.3) Pengharaman Riba Peringkat Ketiga:

Dalam peringkat ketiga, setelah umat Islam dituntut untuk melakukan urusniaga pinjaman dan pembiayaan tanpa riba, maka barulah Allah s.w.t. memutuskan secara tegas, mengharamkan setiap orang yang beriman memakan harta riba secara berlebih-lebihan, seperti dalam ayatNya;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَضْعَافًا مُضَاعَفَةً .

MaksudNya;

Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu memakan harta riba dengan cara yang berlipat kali ganda.
(Surah Ali 'Imrān, ayat 130)

Ayat diatas yang diturunkan di Madinah jelas mengharamkan riba, tetapi pengharaman riba pada peringkat ini hanyalah secara *juz'i*, bukan *kulli*, iaitu haram sebahagiannya sahaja, tidak semua jenis riba. Riba yang diharamkan ialah riba yang sampai ke peringkat terlalu buruk, riba yang berlipat kali ganda atau disebut Allah sebagai *Adāfan Mudārafah..* (أَضْعَافًا مُضَاعَفَةً)

Dengan turunnya ayat tersebut, maka umat Islam telah memutuskan bahawa mereka telah menghentikan amalan memakan riba secara berlebihan. Oleh itu setiap urusniaga yang besar atau melibatkan pinjaman atau pembiayaan yang banyak, maka pemodal dan pengusaha, pemiutang dan peminjam, mula melakukan transaksi dan urusniaga tanpa melibatkan riba.

(2.4) Pengharaman Riba Peringkat Keempat.

Peringkat keempat adalah peringkat terakhir pengharaman riba. Allah s.w.t. mengharamkan secara putus (*qaf'i*) saki baki riba yang masih ada, iaitu riba yang sedikit yang tidak melibatkan jumlah yang besar. Allah Yang Maha Bijaksana telah menurunkan terlebih dahulu ayat mengharamkan jumlah riba yang besar, apabila amalan riba yang melibatkan jumlah yang besar boleh ditinggalkan, maka mudahlah menghapuskan saki baki amalan riba yang kecil-kecil itu daripada urusniaga orang-orang yang beriman. Firman Allah s.w.t.:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذْقُوا اللَّهَ وَذُرُوا مَا بَعِي
 مِنَ الرِّبَوِا إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ . فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا
 فَأَذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ، وَإِنْ تُبْتُمْ
 فَلَكُمْ رُّؤْسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ .

MaksudNya;

Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah sisa-sisa riba, jika kamu benar-benar orang yang beriman. Jika kamu tidak meninggalkan (amalan memakan sisa-sisa riba itu), maka ketahuilah, bahawa Allah dan RasulNya akan memerangimu, dan jika kamu bertaubat (tidak mengambil sisa-sisa riba lagi), maka ambillah modal pokok hartamu itu. Janganlah kamu menganiaya dan janganlah hendaknya kamu dianiaya pula.
 (Surah al-Baqarah, ayat 278)

Ayat tersebut turun sembilan hari sebelum kewafatan RasuluLlah s.a.w., dengan turunnya ayat yang terakhir tentang pengharaman riba itu, maka ertinya seluruh transaksi Mu'amalat, termasuklah urusniaga pinjaman dan pembiayaan, mestilah mengikut hukum Mu'amalat Islam yang ditentukan oleh Shara^c sahaja.

(3) Selepas Kewafatan RasūluLlāh s.a.w.:

Amalan memberikan pinjaman dan pembiayaan tanpa riba, terus berlaku dan diamalkan sehingga ke zaman-zaman selepas wafatnya baginda RasūluLlāh s.a.w., seperti zaman Umar Ibn al-Khaṭṭāb, ḨUthmān Ibn Ḩaffān dan zaman Umayyah. Orang-orang Islam dan bukan Islam, dibenar melakukan urusniaga pinjaman dan pembiayaan tanpa riba. Pinjaman ḨUthmān Ibn Ḩaffān kepada Yaᶜqūb seorang Yahudi, adalah sebagai pembiayaan untuk perniagaan yang

dikeluarkan dari harta kumpulan bukan wakaf, wasiat dan pusaka orang-orang Islam.⁵⁸

Pinjaman dan pembiayaan tanpa riba dari *bayt al-mâl*, pernah diberi oleh al-Hajjâj bin Yûsuf kepada petani-petani sebanyak dua juta dirham. Qâdî Sulaimân Ibn Aswad pula, pernah mengeluarkan wang perpendaharaan negara di Cordova, kepada al-Habib Ahmad bin Muhammad sebanyak lima ribu dinar sebagai pembiayaan perdagangan tanpa riba. Begitu juga cUbaidullah bin cUmar, pernah meminjam untuk perniagaan di Hijaz.⁵⁹

8. Jenis-jenis Riba:

Untuk mengenal pasti apakah sesuatu urusniaga itu ada unsur-unsur riba atau tidak, maka pengetahuan dan kefahaman yang mendalam tentang riba perlu diketahui oleh seseorang secara lebih terperinci, lebih-lebih lagi sekarang ini, berbagai-bagai bentuk urusniaga kewangan, telah wujud di tengah-tengah sistem kewangan riba dengan sistem Muamalat Islam. Memahami bahagian-bahagian riba dan jenis-jenisnya, merupakan asas penting untuk memahami unsur-unsur riba yang taerdapat dalam sistem kewangan masa ini. Sebahagian besar ulama-ulama fiqh, membahagikan riba kepada dua jenis:⁶⁰

8.1. Riba *al-Nasi'ah* (النَّسِيْةُ)

(1) Takrif Riba *al-Nasi'ah*:

^{58.} Imâmuddîn, S.M., "Bayt al-Mâl and Banks in The Medieval Muslim World", *Islamic Culture*, 34:1, 1960, hlm.22 -30.

^{59.} Ibid., hlm.28.

^{60.} Ibn Qudâmah, op.cit., jld.4, hlm.3; Ibn al-Humâm, op.cit., jld.5, hlm.274; al-Bujairîmî, op.cit., jld.3, hlm.15; al-Mâltâwî, op.cit., hlm.94-95; al-Zuhâlî, op.cit., jld.4, hlm.671; al-Maudûdî, *al-Rihâq*, hlm. 90; al-âssâl, *al-Nizâm al-Iqtisâdi fi al-Islâm Mabâdiuhu wa Ahdâsuhu*, (Terjemahan) Singapore: 1980, hlm. 88-89

Iaitu sejenis riba yang disebut ke atas "bayaran tambahan" kerana menangguhkan bayaran barang atau wang yang dipinjam, atau yang dibelinya dengan bayaran tangguh. Dengan sebab ia menangguhkan bayaran tersebut, maka ia terpaksa membayar bayaran tambahan lebih dari harga asal.⁶¹

Riba *al-Nasi'ah* disebut juga sebagai Riba *al-Jahiliyyah*, kerana ia menjadi amalan dalam masyarakat Arab di zaman Jahiliah dahulu. Masyarakat Jahiliah mengenakan bayaran lebih sebagai tambahan yang mesti dibayar oleh orang yang meminjam. Amalan inilah yang banyak berlaku di kalangan masyarakat Arab Jahiliah dan menjadi kelaziman di kalangan mereka pada waktu itu.⁶²

Selain daripada itu, Riba *al-Nasi'ah* juga disebut sebagai Riba *al-Qur'an*, kerana pengharamannya ditegaskan dengan nas-nas al-Quran. Riba *al-Qur'an* adalah merujuk kepada amalan mengambil bayaran tambahan dari hutang yang tertangguh, ia banyak terjadi di kalangan masyarakat Arab dan menjadi kelaziman di kalangan mereka pada waktu al-Quran diwahyukan.⁶³

(2) Unsur-unsur Riba Dalam Riba *al-Nasi'ah*:

Ada tiga unsur yang menjadi asas panduan, bagi mensabitkan urusniaga kredit tersebut, boleh dikategorikan sebagai Riba *al-Nasi'ah*:⁶⁴

^{61.} al-Khaṭīb, op.cit., jld. 2, hlm. 21; Ibn Qudāmah, op.cit., jld.4, hlm.3; Ibn al-Humām, op.cit., jld. 5, hlm. 274; al-Fairūzābādī, *al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, Misr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, t.t., jld.1, hlm.361; al-Zuḥaylī, op.cit., jld.4, hlm.672; al-Maudūdī, *al-Ribā*, hlm.90; ‘Abdul-Lāh, Dr., *Fiqh al-Imām Sa‘id al-Musayyib*, jld.3, hlm.33; al-Bujairīmī, *Bujairīmī*, jld.3, hlm.15.

^{62.} A.Mannān, op.cit., jld. 1, bhg. 1&2, hlm. 207; al-‘Assal, op.cit., hlm. 89, ‘Abdulfah, *Tahrīm al-Ribā bi Anwā‘ihī*, Beirut: Dar al-Shuruq, 1402H/1982M), hlm. 7.

^{63.} al-‘Assal, op.cit., hlm.89; Mannan, op.cit., jld.1, bhg.1&2, hlm.207

^{64.} Afzāl al-Rahmān, op.cit., jld.3, hlm.59

- (1) Terdapat penentuan lebihan pembayaran daripada pinjaman modal,
- (2) Penentuan lebihan pembayaran berasaskan masa penangguhan,
- (3) Ada persetujuan terhadap syarat-syarat bayaran lebih yang telah ditentukan.

Ketiga-tiga unsur yang tersebut di atas itu, sama-sama membentuk riba. Sebarang tawar-menawar ke atas urusniaga kredit yang mengandungi unsur-unsur yang tersebut di atas itu dianggap oleh ahli-ahli fiqh dan ahli-ahli ekonomi Islam sebagai Riba al-Nasi'ah.

(3) Sejarah Amalan Riba al-Nasi'ah:

Riba al-Nasi'ah ini mula-mula berlaku ke atas masyarakat Arab di zaman Jahiliah hingga ke zaman pra Islam. Orang-orang Arab Pagan memberi pinjaman untuk satu-satu tempoh yang telah ditentukan. Apabila tempoh itu luput, piutang akan meminta hutang yang diberinya itu dibayar, jika tidak, maka piutang akan mengenakan bunga kepada peminjam itu. Jika peminjam tidak menjelaskan hutang yang ditetapkan, maka jumlah pinjaman akan dinaikkan dua kali ganda.⁶⁵

Abdullah Ibn ‘Umar telah ditanya tentang seorang yang telah meminjamkan wangnya kepada orang lain untuk satu tempoh yang tertentu. Peminjam telah meminta kepada si pemberi pinjaman supaya mengurangkan atau memberikan rebet ke atas pinjamannya, jika ia membayar balik pinjamannya sebelum tempoh yang telah ditetapkan itu tamat. Beliau tidak menyukai perbuatan

65. Shafī‘ī, op.cit., jld.2, hlm 21; Ibn al-Humām, op.cit., jld.5, hlm 274; Ibn Qudamah, op.cit., jld.4, hlm.163-165.

seperti itu, bahkan beliau melarang supaya jangan menerima tawaran seperti itu, kerana ditakuti terdapat unsur-unsur riba di dalamnya.⁶⁶

Zaid Ibn Aslam pula menerangkan bahawa di zaman Arab purba, amalan riba berlaku apabila seseorang itu meminjam wang daripada orang lain dalam tempoh yang ditetapkan, apabila sampai tempoh, pemberi pinjaman akan meminta bayaran balik wang yang dipinjamkannya itu. Jika peminjam gagal untuk membayarnya, si pemberi hutang akan melanjutkan tempoh pembayarannya, tetapi dengan mengenakan syarat ke atas peminjam, mestilah dengan membayar lebih dari jumlah pokok yang dipinjamnya. Bayaran tambahan tersebut dianggap sebagai ganjaran kepada si pemberi hutang, kerana menunggu lama untuk menerima hutangnya itu, tetapi tambahan tersebut itulah sebenarnya suatu bentuk amalan riba yang berlaku di zaman Arab purba.⁶⁷

Jika seseorang itu meminjam 100 ringgit kemudian tidak dibayar balik sehingga luput tempoh yang ditetapkan, lalu orang yang memberi hutang meminta bayaran lebih sebanyak 150 ringgit bagi tempoh yang tertentu. Hukumnya tidak sah dan dilarang oleh ulama-ulama fiqh, kerana menambahkan tempoh hutang tersebut dengan bayaran 50 ringgit, adalah dihukum riba.⁶⁸

Contoh-contoh yang tersebut di atas itu, merupakan amalan riba *al-Nasi'ah* yang dilarang dalam Islam. Usamah bin Zaid r.a. berkata bahawa RasūluLlāh s.a.w. bersabda;

^{66.} al-Malṭāwī, op.cit., hlm.97&98.

^{67.} al-Malṭāwī, op.cit., hlm.97&98; Ibn Qudāmah, op.cit., hlm.164-165; Ibn al-Humām, op.cit., jld.5, hlm.274; al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.21

^{68.} Malik, op.cit., jld. 2,

إِنَّمَا الرِّبَا فِي النِّسْيَةِ

Maksudnya;

Sesungguhnya riba itu terdapat pada al-Nasi'ah. ⁶⁹

Hadith yang tersebut di atas itu, menyatakan bahawa riba itu hanya berlaku apabila seseorang itu menangguhkan hutang pinjamannya, lantaran itu bayaran tambahan dikenakan. Ini bermakna riba tidak berlaku pada urusniaga tunai.⁷⁰ Tetapi RasūluLLāh s.a.w. menegaskan lagi, hutang yang bagaimanakah boleh dianggap riba dalam hal ini. Rasulullah s.a.w dengan jelas menerangkan bahawa, setiap keuntungan yang terdapat kerana urusniaga kredit adalah dianggap telah melakukan perbuatan riba. Sabda RasūluLLāh s.a.w,

كُلُّ قَرْضٍ جَرَّ نَفْعًا فَهُوَ رِبَا

Maksudnya:

*Setiap pinjaman yang membawa jalan keuntungan maka itu adalah riba.*⁷¹

Ibn Qudāmah menjelaskan;

وَكُلُّ قَرْضٍ شَرِطٌ فِيهِ أَنْ يَزِيدَهُ فَهُوَ حِرْمٌ بَغْيَرِ خَلَافٍ

Maksudnya;

*Setiap pinjaman yang disyaratkan supaya menambah bayaran pinjaman, maka bayaran tambahan itu diharamkan tanpa khilaf.*⁷²

Ibn al-Mundhir pula menjelaskan bahawa ijmā' ulama-ulama fiqh, apabila orang yang memberi pinjaman mensyaratkan peminjam membayar lebih atau memberi hadiah atas dasar pinjamannya itu, maka sesungguhnya tambahan yang

⁶⁹ . Muslim, op.cit , jld. 3, hlm. 1218 (Hadith bil 102 & 105)

⁷⁰. Ibn Qudāmah, op.cit., jld. 4, hal.123.

⁷¹. Ibn Hajar, *Talkhis al-^zHabir fi Takhrij At-Tadīr al-Rafī'i al-Kabīr*, al-Qāherah Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah, 1399H/1979M, jld. 3, hlm. 39

⁷². Ibn Qudāmah, op.cit., jld. 4, hlm. 354

dikenakan itu adalah riba. Ubai bin Ka‘ab, Ibn ‘Abbas dan Ibn Mas‘ud sama-sama melarang pinjaman yang dikenakan keuntungan atau tambahan seperti itu.⁷³

Oleh itu setiap pinjaman, tidak seharusnya ada sesuatu ganjaran atau faedah, kerana riba bukan sahaja berlaku ke atas pinjaman yang dikenakan syarat bayaran tambahan, tetapi juga boleh berlaku riba jika pinjaman tersebut mengharapkan sesuatu faedah atau ganjaran hadiah. Hal yang tersebut pernah ditegaskan oleh RasūluLLāh ᷱ. w. melalui riwayat Ibn Mājah daripada Ānas, RasūluLLāh ᷱ. w. telah bersabda;

إِذَا أَقْرَضَ أَحَدُكُمْ قَرْضًا، فَأَمْدِنْهُ إِلَيْهِ
أَوْ حَمِّلْهُ عَلَى الدَّائِبَةِ، فَلَا يَرْكِبُهَا وَلَا
يَقْبِلُهُ، إِلَّا أَنْ يَكُونَ جَرَى بَيْنَهُ وَبَيْنَهُ
قَبْلَ ذَلِكَ.

Maksudnya;

*Apabila seseorang kamu berhutang, lalu iapun memberi hadiah kepada piutang, atau membawa piutangnya itu menaikinya, maka janganlah piutang itu naik, dan janganlah ia menerima hadiahnya, melainkan memang sudah biasa berlaku antara sesama mereka sebelum itu.*⁷⁴

Tetapi jika sekiranya pinjaman itu disyaratkan supaya dibayar kurang daripada jumlah pinjaman pokok, maka bagi Madhhab Shāfi‘ī ada dua pendapat:⁷⁵

⁷³. Ibn Qudāmah, op.cit., jld. 4 hlm. 354; Ibn Hajar, *Talkhīṣ al-Habīr*, al-Qāherah Maktabah al-Kulliyāt, 1979, jld. 3, hlm. 39

⁷⁴. Ibn Hajar, op.cit., jld. 3, hlm. 356

⁷⁵. Ibn Hajar, *Talkhīṣ al-Habīr*, jld. 3, hlm. 357

Pertama: Tidak Harus.

Kerana sekalipun dibayar balik kurang daripada jumlah pinjaman, tetapi masih berlaku amalan riba, iaitu terdapat perbuatan yang meluputkan persamaan nilai pada barang yang disyaratkan.

Kedua: Harus.

Kerana pinjaman yang dibayar kurang itu bertujuan untuk meringankan kesusahan peminjam, maka meletakkan syarat supaya dikurangkan bayaran tidak membawa makna riba. Berlainan dengan syarat menambahkan bayaran, ia tetap dihukum riba.

Bagi Ibn Qudāmah al-Ḥanbālī tetap berpendapat bahawa setiap pinjaman mestilah dibayar dengan nilai atau jenis barang yang sama. Jika disyarat supaya dibayar kurang dari jumlah pinjaman asal, maka ia dianggap menyalahi kehendak asal pinjaman, kerana itu tidak diharuskan, sama juga seperti mengenakan syarat membayar lebih ke atas pinjaman.⁷⁶

8.2. Riba al-Fadl (الفَضْلُ):

(1) Takrif Riba al-Fadl:

Riba al-Fadl iaitu setiap penambahan melalui urusniaga tukar menukar barang dengan barang yang sama jenis, bukan disebabkan oleh menangguhkan barang sebagai bayaran.⁷⁷

Ulama-ulama fiqh daripada madhhab Imam Abī Ḥanīfah mentakrifkan Riba al-Fadl itu sebagai riba jual beli barang dengan barang, berlaku dengan sebab

^{76.} Ibid.,; Ibn Qudāmah, op.cit., jld.4, hlm.354

⁷⁷ Abdullāh, Dr., *Fiqh al-Imām Sa‘īd al-Masayyib*, Iraq: Maktabah al-Irshād, 1395H/1975M, jld.3, hlm.34; al-Khaṭīb, op.cit., jld.2, hlm.21; al-Sharqawī, op.cit., hlm.190; al-Bujairī, op.cit., jld.3, hlm.15; al-Zuhailī, Dr., op.cit., jld.1 v, hlm.671-675.

melebihkan jumlah sukatan atau timbangan atau bilangan pada salah satu barang jual beli yang sama jenisnya ketika aqad mengikut ukuran Shara^c.⁷⁸

Oleh yang demikian, Riba *al-Fadl* berlaku dengan sebab menjual barang-barang riba yang sama jenisnya, dengan cara melebihkan salah satu daripada barang tanpa tukaran yang sebenar pada barang tersebut dari sudut hukum Shara^c.

Riba *al-Fadl* berbeza dengan Riba *al-Nasi'ah*. Riba *al-Nasi'ah*, berlaku dengan sebab menangguhkan bayaran pinjaman atau jual beli barang yang kerananya dikenakan bayaran tambahan. Sedangkan Riba *al-Fadl* tidak berlaku dengan sebab penangguhan, tetapi berlaku dengan sebab pertukaran barang dengan barang yang sama jenis, di mana peminjam atau pembeli terpaksa menambah jumlah barangnya lebih dari jumlah barang yang dibelinya.

(2) Sejarah Amalan Riba *al-Fadl*

Amalan Riba *al-Fadl*, iaitu pembungaan dalam sistem barter ini sudah berlaku di kalangan masyarakat Arab Jahiliah semenjak turun temurun. Mereka berurusniaga secara barter atau tukar menukar barang dengan barang. Apabila orang-orang Arab badwi yang miskin inginkan bijiran yang lebih baik mutunya, mereka menukar bijiran mereka yang sama jenisnya dengan jumlah yang lebih banyak dari bijiran yang mereka beli.⁷⁹

Urusniaga dengan sistem barter ini, bukan sahaja berlaku di kalangan masyarakat yang menduduki Semenanjung Tanah Arab, tetapi juga berlaku di negara-negara lain di luar Semenanjung Tanah Arab. Mereka melakukan urusniaga jualbeli barang dengan barang secara tunai atau hutang. Jika sekiranya mereka

⁷⁸.

Ibn Qudāmah, op.cit., jld.4, hlm.354; Ibn al-Hūmān, op.cit., jld.5, hlm.274

⁷⁹.

Afzal al-Rahmān, op.cit., jld.3, hlm.62

ingin membeli seekor unta yang cukup umur dua tahun, maka pembeli akan membayarnya dengan dua ekor unta yang tidak cukup umur. Jika mereka ingin membeli semangkuk makanan dari gandum, maka mereka akan membayarnya dengan dua mangkuk. Urusniaga seperti itu sudah berakar umbi dalam kehidupan mereka. Mereka lakukan secara tunai dari tangan ke tangan dalam majlis jual beli tanpa tangguh antara mereka. Urusniaga seperti itu dikenali kemudiannya mengikut hukum Islam sebagai urusniaga *Riba al-Fadl*. Sebaliknya jika mereka berurusniaga dengan jual beli barang dengan barang secara bertangguh antara mereka, maka urusniaga seperti itu dikenali kemudiannya mengikut hukum Islam sebagai urusniaga *Riba al-Nasi'ah*.

Al-^cAbbas dan Khālid bin al-Walid pernah menjadi rakan kongsi dalam syarikat urusniaga jual beli barang di zaman Jahiliah, sistem urusniaga mereka terkenal dengan cara mengenakan riba ke atas setiap pertukaran barang mereka, samada dengan Riba *al-Nasi'ah* atau dengan Riba *al-fadl* yang mengenakan bayaran yang lebih. Kerana itu amalan riba yang pertama sekali diisytiharkan oleh RasūluLLāh s.^fa.w. sebagai haram ialah urusniaga riba yang diamalkan oleh bapa saudaranya al-^cAbbas r.a. dengan masyarakat Arab di zaman Jahiliah.⁸⁰

Abū Saīd r.a. pernah berkata bahawa kami telah dihadiahkan oleh Bani Ādī al-Anṣārī tamar *al-janr* iaitu tamar campuran yang baik dengan yang kurang baik, kami menukar dua gantang itu untuk mendapatkan segantang tamar yang kualitinya lebih baik, lalu ditegur oleh RasūluLLāh s.^fa.w. dengan sabdanya; "Jangan kamu lakukan, tidak harus dua gantang ditukar dengan segantang, tidak harus dua dirham ditukar dengan satu dirham"⁸¹

^{80.} al-Šabūnī, *op.cit.*, jld.1, hlm.385; al-Khadra Bak, *Turuṣh al-Tashri*^c, hlm.95-96; Ibn Hishām, *Sīrah al-Nabi*^c, jld.4, hlm.275.

^{81.} Bukhārī, *op.cit.*, jld.2, hlm.6; Muslim, *op.cit.*, jld.5, hlm.47.

Satu ketika Bilal bin Rabah telah menukar segantang tamar yang baik dengan dua gantang tamar yang rendah mutunya, kemudian Bilal menghadiahkannya kepada RasūluLlāh s.a.w., RasūluLlāh s.a.w. lantas bertanya; "Dari mana kamu dapat tamar yang baik ini wahai Bilal?", jawab Bilal; "Aku membelinya segantang dengan harga dua gantang tamarku yang rendah mutunya". Lalu RasūluLlāh s.a.w. melarangku dengan memerintahkan aku memulangkannya semula dan mengambil balik dua gantang tamar milikku itu.⁸²

Amalan jual beli barang dengan barang yang primitif itu, sangat berkait rapat dengan kemajuan dan perkembangan hidup masyarakat manusia itu sendiri. Pada zaman perhambaan hamba-hamba abdi, maka hamba abdi menjadi barang pertukaran dalam urusniaga mereka. Pada zaman masyarakat yang hidup suka berburu, maka belulang atau kulit binatang, kuku, tanduk, gading dan sumbu badak menjadi barang untuk pertukaran jual beli. Pada zaman manusia tahu menternak binatang, maka binatang ternakan pula yang menjadi barang pertukaran. Apabila mereka sudah pandai bercucuk tanam, maka hasil pertanian seperti bijirin dan buah-buahan menjadi barang pertukaran. Apabila mereka mula mengenali logam, maka tembaga, besi, timah, perak dan emas telah mereka gunakan sebagai barang pertukaran dalam urusniaga jual beli mereka.⁸³

Berjual beli barang dengan barang (barter system) adalah satu bentuk urusniaga yang paling primitif, ia telah berlaku di negara-negara yang miskin dan masih mundur atau berlaku di sebahagian tempat-tempat yang terpencil. Tetapi ketika Jerman menghadapi kejatuhan mata wangnya selepas perang dunia kedua, wang Marksnya tidak laku menjadi alat pertukaran, maka Jerman mengalihkan

^{82.} Ibn Hajar, *al-Matalib al-‘Aliyah*, jld.1, hlm.391.

^{83.} Husain Mahmud, *Sejarah Mata Wang*, KL: Penerbitan Utusan Melayu, 1967, hlm.1&2.

urusniaganya kepada pertukaran barang dengan barang (barter system). Malaysia dengan Indonesia juga pernah melakukan transaksi jualbeli barang dengan barang di Pulau Pinang, Port Swettenham, Melaka, Batu Pahat dan Singapura hingga diharamkan pada bulan Ogos 1964. Tetapi selepas konfrantasi Malaysia dengan Indonesia pulih, maka pada 1hb. Disember, 1966 transaksi jual beli barang dengan barang disambung semula.⁸⁴

Adapun di kalangan masyarakat Arab, selain dari gandum, terigu atau jelai, garam dan kurma, maka barang yang lazim menjadi tukaran ialah sejenis logam yang dibuat daripada perak dan emas. Emas dan logam menjadi alat pertukaran yang paling popular dalam urusniaga, kerana nilainya yang tinggi, tetap dan bermutu dari nilai-nilai barang yang lain. Oleh itu kedua-dua jenis logam tersebut akhirnya mereka jadikan mata wang. Emas disebut sebagai dinar dan perak disebut sebagai dirham, namun di zaman jahiliah, mata wang emas dan perak belum digunakan, mereka hanya melakukan pertukaran emas dengan emas dan perak dengan perak mengikut timbangan.⁸⁵

Fakta berlakunya transaksi dalam pertukaran barang dengan barang (barter system) dalam sejarah kehidupan masyarakat manusia, membuktikan bahawa amalan Riba *al-Fadil* pasti telah berlaku semenjak manusia menjalani sistem primitif itu. Sekurang-kurangnya pada abad peretengahan, sebahagian penduduk Mekah merasakan bahawa urusniaga dengan cara riba masih dianggap sebagai cara yang rasional. Abad ke 7 hingga abad ke 11 Masihi kegiatan jual beli barang dengan barang berlaku di kota-kota, baik di utara mahu pun di timur seperti Rayy, Qazwin dan Qom yang telah mengekspot barang teknikal sehingga menembusi

^{84.} Ibid..

^{85.} al-Maqrizi, *al-Nuqud al-Islamiyyah*, Misr: al-Maktabah al-Haidiriyah, 1387H/1967M, hlm.4

Eropah, termasuklah juga barang seperti tenunan sutera, kapas, bulu, kulit, karpet, sabun, air mawar, parfum, madu, kunyit, nila serta sayur-sayuran dan buah-buahan termasuk buah kurma yang basah dan yang kering. Selanjutnya alat-alat senjata, tembaga, periuk, perabut dari Afganistan dan Samarkand. Kebanyakan urusniaganya semua melalui pertukaran barang dengan barang, sehingga seorang ahli apologi Islam M.Hamdullah telah menginterpretasikan, bahawa larangan riba hanya dapat dibuktikan sepenuhnya melalui peraturan yang dilaksanakan di Zaman Khalifah *Umar al-Khattab* (634-644M).⁸⁶

Rodinson mencatatkan terdapat amalan ahli perniagaan Islam mengelak diri dari urusniaga riba seperti menukar kira-kira 36 kati gandum dengan barang yang lain, kemudian pelanggan yang sama itu menuarkan pula 72 kati gandum dengan barang yang lain. Sama halnya apabila dua nilai yang berbeza tetapi dari jenis barang yang sama, saling ditukar sebagai hadiah atau saling meminjamkan atau satu pihak yang menerima nilai yang lebih mengatakannya sebagai hadiah, maka ketiga-tiga cara transaksi tersebut dilakukan sebagai helah untuk mengelak diri dari terlibat dalam amalan Riba *al-Fadil*.⁸⁷

Sejarah ringkas yang tersebut itu, cukup sekadar membuktikan bahawa amalan jual beli barang dengan barang telah melibatkan semua jenis barang keperluan hidup manusia zaman-berzaman. Tetapi Islam datang dengan peraturan hukum Mu'amalat, telah membataskan hanya enam jenis barang sahaja dari beribu-ribu jenis barang yang mesti diurusniagakan dengan pertukaran yang sama nilai timbangan dan sama juga nilai sukatannya, iaitu emas, perak, gandum, terigu, kurma dan garam.

^{86.} Rodinson, *Islam dan Kapitalisme*, Terjemahan: Asep Hikmat, Bandung: Penerbitan IQRA, 1982, hlm.7, 10 & 77.

^{87.} Ibid. hlm.79.

Sejarah timbangan dan sukatan yang setara (standard) ke atas barang riba yang tersebut itu, disetarakan mengikut kebiasaan adat (*turuq*). Pada masa permulaan Islam, mengikut Ibn ‘Umar r.a. bahawa RasūluLLāh ᷲ.他曾說過：“Timbangan itu mengikut timbangan yang digunakan oleh penduduk Mekah, sukatan pula ialah sukatan yang biasa dipakai oleh penduduk Madinah”⁸⁸

Imam Abū Yūsuf pula menjelaskan bahawa timbangan dan sukatan yang setara, dapat diterima dalam mensabitkan hukum barang-barang riba yang enam itu, ialah ukuran timbang dan sukat yang terkini, lazim dipakai di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa.⁸⁹

Sukatan barang-barang *al-Fadl* ini tidak kurang dari setengah gantang, kalau mengikut timbangan tidak kurang dari 1,350 gram. Sekiranya barang pertukaran itu kurang dari ukuran di atas, maka pertambahan yang berlaku dalam barang pertukaran tersebut diharuskan, seperti menukar segenggam tepung gandum dengan dua genggam tepung gandum yang sama jenisnya secara tunai. Sekiranya barang tersebut ialah emas dan perak, maka nilai kadar pada Riba *al-Fadl* tidak kurang dari sebiji gandum yang sederhana besarnya, sekiranya kurang dari sebiji gandum, maka haruslah berlaku pertukaran, sekalipun salah satu daripada barang tersebut lebih banyak dan yang satu lagi lebih sedikit.⁹⁰

(3) Jenis-jenis Barang Riba *al-Fadl* :

Riba *al-Fadl* tidak berlaku ke atas semua jenis barang, tetapi hanya enam jenis barang sahaja yang boleh disabitkan dengan hukum riba, itupun sekiranya barang tersebut diurusniaga dengan jual beli riba, barulah boleh disabitkan dengan

^{88.} Ibn Hajar, *Talkhis al-Habir*, jld.3, hlm.183; al-Zuhailī, op.cit., jld.4, hlm.676

^{89.} al-Zarqā, *al-Madkhāl al-Fiqh*, hlm.514.

^{90.} al-Zuhailī, op.cit., jld.4, hlm.678 - 679

hukum riba. Barang yang tersebut ialah emas, perak, gandum, terigu atau jelai, tamar dan garam. Barang-barang ini sabit berdasarkan hadith RasūluLlāh s.a.w.; yang maksudnya;

*Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, jelai dengan jelai, kurma dengan kurma dan garam dengan garam, yang seumpama dengan seumpama, yang sama dengan yang sama, tunai dengan tunai. Maka sesiapa yang menambah atau meminta tambahan, ia telah melakukan riba. Apabila jenis-jenis ini berlainan satu dari yang lain, maka berjual belilah ikut suka kamu.*⁹¹

Sekiranya barang-barang tersebut diurusniagakan dengan cara tukar-menukar barang dengan barang yang sama jenis, serta melebihkan salah satu daripadanya, maka melakukan urusniaga seperti yang tersebut itu hukumnya haram, kerana terdapat sebab riba yang paling pokok, iaitu menambah kuantiti barang tukaran yang sama jenis.

(4) Asas-asas Mensabitkan Riba al-Fadl :

Berdasarkan pendapat jumhur ulama fiqh seperti yang disebutkan di atas, adalah disimpulkan bahawa untuk mensabitkan Riba al-fadl ke atas tambahan barang pertukaran itu, mestilah berdasarkan kepada dua perkara :

(1) Berdasarkan kepada sukatan (الكيلُ)

(2) Berdasarkan kepada timbangan (الوزنُ)

Sukatan dan timbangan menjadi ukuran yang setara (standard), nilai harga tidak tepat dijadikan ukuran. Sekiranya dua barang yang sama jenis hendak ditukarkan mestilah sama banyak sukatannya, kalau barang tersebut dikira secara timbang mestilah timbangannya sama berat. Sekiranya barang tersebut dinilai

⁹¹ Muslim, Sahīḥ Muslim, jld.2, hlm.14

dengan sukatan, ia tidak boleh dilebihkan atau ditambahkan salah satu daripadanya, sekiranya terdapat pada zahirnya perbezaan penambahan, maka ia akan dihukum sebagai riba yang dilarang. RasūluLlāh s.a.w. telah menegaskan dalam urusniaga ini dengan sabdanya;

مِنْ زَادَ أَوْ إِسْتَزَادَ فَهُوَ رِبَاٰ

Maksudnya;

*Sesiapa menambah atau meminta tambah,
maka dia melakukan riba.⁹²*

Untuk mengelakkan perbuatan tersebut di atas jauh daripada Riba al-Fadl, maka RasuluLlah s.a.w. telah menunjukkan jalannya melalui sabda yang diriwayat oleh Abū Hurairah r.a.yang bermaksud;

Sesungguhnya RasūluLlāh s.a.w. telah mengutus saudara bani ēAdī al-Anṣārī bekerja di Khalbar, lalu baginda diberikan tamar yang baik, maka RasuluLlah s.a.w. pun berkata kepadanya, adakah semua tamar Khaibar seperti ini?. Jawab Bani ēAdī, demikian Allah ya! RasūluLlāh, saya membeliinya segantang dengan membayar dua gantang tamar yang bercampur. Maka RasuluLlah s.a.w. pun berkata, jangan kamu lakukan, tetapi hendaklah kamu beli dengan jumlah yang sama, atau kamu jualkan tamar yang kurang baik ini kemudian kamu belikan tamar yang baik itu dengan wang tersebut. Begitulah juga sepatutnya kamu lakukan ke atas barang-barang yang ditimbang.⁹³

(5) Barang-barang Yang Tidak Boleh Sabit Dengan

Riba al-Fadl :

Apabila Riba al-fadl disabitkan dengan nilai sukat dan timbang maka barang-barang yang dijual beli berdasarkan nilai bilangan dan nilai sukatan panjang, tidak boleh disabitkan riba, seperti:⁹⁴

^{92.} Muslim, op.cit., jld.5, hlm.45.

^{93.} Ibid. hlm.47.

^{94.} al-Zuhailī, op.cit., jld.4, hlm.671.

(5.1) Barang yang dijual beli dengan nilai bilangan.

Berjual beli dengan nilai bilangan, biasa berlaku di zaman-zaman dahulu iaitu bertukar-tukar barang ke atas binatang-binatang ternakan seperti ayam, itik, burung, lembu, kerbau, unta dan kambing. Nilai bilangan ini juga berlaku ke atas barang-barang kelengkapan rumah seperti tikar dan hamparan permaidani. Barang-barang makanan dan keperluan dapur seperti buah-buahan, telor, bawang dan lain-lain. Bahkan rumah, tanah dan pokok-pokok. Semua urusniaga tersebut dilakukan dengan nilai bilangan barang. Misalnya seekor kambing dijual dengan dua ekor kambing yang sama, atau sebiji telor dijual dengan dua biji telor yang sama, maka hukumnya adalah harus dan tidak ada riba, kerana barang tersebut bukan dari jenis riba.⁹⁵

Urusniaga tersebut sekalipun dilakukan dengan menambah bilangan salah satu barang, tetapi selagi tidak melibatkan hutang, maka selama itu urusniaganya tetap diharuskan oleh Shara^s, tidak dihukum sebagai riba, sebab:

Pertama:

Barang-barang tersebut bukan barang-barang yang ditentukan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai enam jenis barang-barang yang boleh mendatangkan riba.

Kedua:

Barang tersebut tidak diurusniaga secara kredit atau hutang. Jika urusniaganya berlaku secara hutang, maka ia akan masuk dalam kategori Riba al-

^{95.} Ibid..

Nasi'ah dengan ciri-cirinya yang tersendiri seperti yang sudah dibincangkan sebelum ini dalam bahagian Riba *al-Nasi'ah*.

(5.2) Barang-barang Yang Dinilai Dengan Ukuran Panjang

Barang-barang yang harganya dinilai dengan sukatan panjang pendek, seperti kain, benang, tali, kayu dan lain-lain. Sekalipun salah satu barang yang sama jenis dikenakan tambahan ketika aqad jual beli, maka ia diharuskan oleh Shara^e, kerana tidak ada unsur-unsur riba. Sekiranya seseorang itu menukar 5 meter kain dengan kain 6 meter yang sama jenisnya secara tunai, maka hukumnya harus, kerana tidak ada unsur-unsur riba.

Walau bagaimanapun, Imam Abū Yūsuf menyatakan setiap yang disukat dan ditimbang pada adatnya (*fīrūf*), sekalipun bukan daripada 6 jenis komoditi barang yang telah ditentukan ribanya, adalah dihukum haram juga. Seperti minyak dan ikan yang ditimbang, wajiblah sama timbangannya dan sama juga sukatannya. Begitulah juga sekiranya barang yang diukur seperti kain, mestilah sama ukuran panjangnya. Jika barang tersebut disukat dengan gantang seperti padi atau beras, maka wajiblah sama sukatan gantangnya. Jika barang-barang itu tidak sama timbangannya, atau tidak sama sukatan panjangnya, atau gantangnya, maka usursniaganya tetap dianggap sebagai Riba *al-Fadl*. ⁹⁶

^{96.} al-Zuhailī, op.cit., jld.4, hlm.672.

Kesimpulannya, Riba *al-Nasi'ah* itu ialah kerana menangguhkan hutang dengan tambahan bayaran keatas pinjaman pokok. Menangguhkan tukaran barang dengan barang riba yang sama jenis juga adalah Riba *al-Nasi'ah*. Sedangkan Riba *al-Fadl* itu ialah kerana menambah salah satu barang pertukaran jualbeli, daripada barang-barang riba yang sama jenis, secara tunai. Sebagai contoh, sekiranya seseorang itu menjual barangnya dengan harga wang tunai sebanyak 5 ringgit, kemudian dengan bayaran tangguh sebanyak 6 ringgit, maka jualan tangguh tersebut hukumnya harus, kerana tidak terdapat unsur-unsur riba pada jualan tangguh itu, disebabkan oleh berlainan jenis pertukaran jual beli, iaitu barang dengan wang. Walaubagaimanapun, sebahagian ulama daripada *Madhhab al-Zaidiyah* tetap mengharamkannya, kerana terdapat riba pada jualan tersebut, iaitu menambah harga pada jualan dengan cara hutang, melebihi dari harga jualan tunai.⁹⁷

9. Kesimpulan:

Istilah "pembiayaan" hendaklah dibezakan dari istilah "pinjaman" dalam setiap transaksi Mu'amalat Islam di Malaysia, kerana pinjaman sama sekali tidak melibatkan perniagaan jual beli, bahkan merupakan bantuan kebajikan yang diharamkan daripada mengambil tambahan sebagai faedah riba.

Allah s.w.t. telah mengharamkan riba dalam semua bentuk urusniaga yang melibatkan jumlah yang besar, mahupun yang kecil secara putus (*qat'i*). Sistem

⁹⁷. Ibid., hlm.675

Perbankan Tanpa Faedah (SPTF), adalah satu kaedah alternatif yang paling tepat buat masa ini, untuk umat Islam berurusniaga, menabung dan melaburkan wang mereka melalui prinsip-prinsip Mu^camalat Islam

Umat Islam Islam di Malaysia harus didedahkan dengan kefahaman tentang keburukan riba secara menyeluruh, sekarang adalah masa yang paling tepat untuk menyebarkan kefahaman tentang haramnya riba itu, kerana sesuai dengan pelancaran Skim Perbankan Tanpa Faedah yang telah diisyiharkan oleh Menteri Kewangan Malaysia yang mengharapkan sistem kewangan di Malaysia menerima arus perubahan kepada sistem perbankan Islam.

Bank Islam dan bank-bank konvensional serta semua pihak harus diberikan kefahaman sebenar tentang mu^camalah riba yang diharamkan itu, supaya perlaksanaan Skim Perbankan Tanpa Faedah benar-benar bersih daripada riba dan mendapat sambutan semua pihak dengan cara yang sangat berkesan.